Guru sebagai peneraju utama yang akan menentukan kejayaan yang tersirat dan tersurat dalam FPK. Namun begitu, jurulatih SSeM bukanlah berlatar belakang program pendidikan teater atau drama. Malah, mereka tidak didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran dan amalan mata pelajaran Pendidikan Kesenian secara khusus dan mendalam mengikut kefahaman PPIK oleh Shulman (1986). JU yang telah dilantik oleh KPM masih menggunakan kaedah pelantikan perjawatan berdasarkan SPP yang melantik guru-guru dari Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) berdasarkan bidang-bidang yang mendapat pengiktirafan sahaja. Justeru itu, JU di SSeM yang dilantik oleh KPM menjadi tenaga pengajar bagi mencapai misi penubuhan SSeM hanya melalui pasaran terbuka dan tiada pendedahan mengenai pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi tetapi dipilih berdasarkan pengalaman dan sumbangan serta mampu melaksanakan pengajaran melalui pengalaman atau latar belakang kesenian yang pernah diikuti serta mempunyai pendedahan mengenai modul disediakan oleh Bahagian Kesenian dan Kokurikulum (BKK, 2007) dan kini dikenali sebagai Bahagian Sukan, Kesenian dan Kokurikulum (BKK, 2019) dengan kerjasama agensi Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK, 2007) dan kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC, 2019).





Pendekatan dalam pengajaran Pendidikan Kesenian khusus Seni Teater di SSeM perlu dibentuk dengan pengetahuan asas dan kemahiran pedagogi. Jadi, JU SSeM merupakan guru yang dipertanggungjawab secara langsung dalam mentransformasi kurikulum SSeM yang telah dibina. Sehubungan itu, JU SSeM mesti menyediakan diri dengan pengetahuan, kemahiran, dan amalan yang diperlukan untuk memenuhi kriteria kurikulum. Ini kerana guru merupakan individu yang paling berpengetahuan dan cekap untuk memilih teknik atau strategi yang berkesan dan boleh diterima semasa menjalankan proses pengajaran (Chee et al., 2018).

Menurut Alimuddin (2011), Ismail dan Zuraida (2000), guru yang berpengetahuan dan berkemahiran memainkan peranan yang kritikal dalam menentukan kejayaan tersirat dan tersurat dalam FPK. KPM mengiktiraf perlunya pembaharuan pendidikan dari segi kaedah dan teknik pengajaran. Hasilnya, dalam PAK-21 kini, kualiti guru dianggap sebagai salah satu kunci keberhasilan murid (PPPM, 2013). Menurut Osman dan Basar (2016), aspek pembangunan pengetahuan dan kebolehan seorang tenaga pengajar atau jurulatih dipertimbangkan dalam pembelajaran setiap murid untuk menimba ilmu sepanjang hayat mereka dengan menggunakan sifat ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat dan pembelajaran penyelesaian masalah bagi pelbagai (*multi*) atau antara (*inter*) disiplin. Setiap JU SSeM mesti mempunyai pengetahuan isi kandungan dan pedagogi untuk digunakan dalam melaksanakan PdP, pengetahuan mendalam tentang pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi yang sesuai dengan umur, serta pengalaman bersama murid yang diajar bagi memenuhi peranan seorang guru (Ausubel, 1975). Sejauh mana amalan dan etika yang digunakan boleh membantu murid mencapai pembelajaran yang bermakna adalah komponen yang paling penting dalam menilai





hasil pembelajaran daripada strategi pengajaran (Rahman et al., 2018). Pandangan ini selaras dengan tanggapan Ahlberg (1993) tentang pendidikan yang baik, menyatakan bahawa pendidik yang baik harus membawa kepada pembelajaran yang bermakna. Kajian Hariss dan Sass (2011) menyokong kajian ini dengan menyatakan bahawa kualiti guru adalah kunci untuk meningkatkan kualiti pendidikan sekolah. Menurut Wan Ali (2000), guru mestilah mempunyai pengetahuan dalam pelbagai bidang, antaranya penguasaan mata pelajaran yang diajar, penguasaan kaedah pengajaran, dan pengurusan disiplin murid, bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Selari dengan kajian Sulaiman (2004), bahawa guru harus mempunyai kepakaran khusus dalam bidang mata pelajaran mereka. Selain itu, Siti Salwa (2014) bersetuju dengan konsep ini, menyatakan bahawa guru harus mempunyai kebolehan dan pengetahuan dalam menguasai bidang tertentu. Oleh itu, Shulman (1987) mendefinisikan pemahaman pedagogi isi kandungan JU seperti guru iaitu perlu memiliki PPIK dalam melaksanakan pengajaran Seni Teater di SSeM.

Teater dan drama dalam pendidikan merujuk kepada konsep persembahan dramatik (permulaan, pengembangan, klimaks dan penyelesaian) yang dijalankan dalam bilik darjah (Mohd Azly, 2016; Anna, Miia, Mirja, & Tapio, 2016). Kaedah ini dapat memperkembang proses PdP di sekolah. Teater dan drama dalam pendidikan tidak memberi fokus atau penekanan utama terhadap persembahan secara formal. Pendekatan teater dan drama bertujuan untuk mengajar dan memberi pemahaman yang maksimum kepada murid tentang sesuatu mata pelajaran. Selain itu, penggunaan kaedah teater dan drama dalam pendidikan membentuk suasana yang membolehkan murid belajar antara satu sama lain berasaskan interaksi secara langsung. Berdasarkan dapatan *World Economic Forum* (2020), guru perlu mempunyai teknik pembelajaran





menyelesaikan masalah, pemikiran kritikal, kreativiti, keaslian dan inisiatif dalam penaaklukan dan tindakan pengajaran (*Future of Report 2020, World Economic Forum*).

Era globalisasi, teater dan drama dalam pendidikan telah menjadi satu aras teras pembangunan dalam pendidikan masa kini mengikut arus perdana dengan menurut kajian dari pakar dalam perkembangan teater dan drama dalam pendidikan meletakkan pembelajaran itu satu proses yang menarik dan mampu dipelajari semua murid di mana peranan pelakon sebagai ‘tenaga pengajar’ dengan memberi satu kaedah pengajaran yang lebih praktis kepada para murid (Ismahisham, 2011). Justeru itu, keperluan dan permintaan tinggi di dalam bidang teater merupakan satu keperluan penting dalam dunia pendidikan (Mohd Yusuf, 2014). Kajian lepas membuktikan mengajar sebagai seni persembahan telah wujud selama beberapa dekad melalui pendekatan kajian-kajian tokoh teater (Hanning, 1984; Sarason, 1999; Griggs, 2001; Hart, 2007; Özmen, 2011).

Membandingkan profesion lakonan dan perguruan, kajian berpendapat bahawa kedua-dua guru dan pelakon mesti mencapai komunikasi aktif dalam pengajaran (Griggs, 2001), guru harus menggunakan aspek estetika untuk mengekalkan perhatian murid (Tauber & Mester, 2007), dan guru sebagai pelakon mesti mempunyai teknik dalam menyediakan dan mengendalikan diri mereka untuk berkomunikasi dengan penonton mereka iaitu murid serta PdP adalah selari seni persembahan (Hanning, 1984).

Kajian pengetahuan pedagogi isi kandungan meningkatkan kualiti profesionalisme seorang guru dalam menguasai pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi secara teori dan praktikal. Berdasarkan matlamat tersebut, penyelidikan ini dilaksanakan dalam memartabatkan profesion keguruan sebagai profesion pilihan dan mentransformasikan kebolehan dan keupayaan penyampaian



kementerian sekaligus peningkatan prestasi bagi mendasari Kementerian Pendidikan Malaysia dalam PPPM 2013-2025. Kejayaan tiga gelombang PPPM bergantung pada komitmen dan kefahaman kesemua warga KPM terhadap dasar dan strategi pelaksanaannya sekaligus memastikan pendidikan berkualiti. Komponen utama PPPM yang terdiri daripada enam aspirasi murid, lima aspirasi sistem dan sebelas anjakan adalah penting bagi membina asas yang kukuh di samping meningkatkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi dan bertaraf dunia (KPM, 2019). Inisiatif utama KPM ini selaras mencapai objektif membina potensi individu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual bagi menyediakan modal insan kelas pertama yang sempurna secara holistik bagi menjamin kualiti pendidikan dan kemenjadian murid serta merealisasikan hasrat FPK KPM tercapai selari prinsip-prinsip Rukun Negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui anjakan fasa pertama PPPM bermula 2013-2025 dalam meningkatkan kualiti profesion perguruan sebagai profesion pertama. Ini amat bersesuaian dengan keperluan PAK-21 dan KBAT dalam penghasilan pembelajaran secara mendalam seperti menggunakan pendekatan konstruktif, inkuiri dan kolaboratif melalui aktiviti seperti pembelajaran berasaskan masalah dan pendekatan pengajaran bersifat EMK serta pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah atau produksi (Amran & Rosli, 2017). Di samping dalam menyokong latihan industri gerak kerja kreatif negara ke arah menyelesaikan masalah atau merangka panduan sebuah pengajaran dan pembelajaran



dalam era globalisasi, pascamodenisme, teknologi dan pembelajaran hibrid bagi membentuk semula pedagogi PAK-21 dan KBAT (JPT, 2020).

Oleh itu, kewujudan Sekolah Seni Malaysia (SSeM) telah ditubuhkan pada 2007 adalah bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada anak muda Malaysia untuk berkarya dalam bidang seni dan mengembangkan kerjaya dalam bidang seni daripada bergantung kepada pekerjaan tertentu (BKK, 2013). Serentak dengan operasi itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang kini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) mewujudkan Panduan Kurikulum Pendidikan Kesenian yang dimanfaatkan oleh jurulatih SSeM sebagai panduan melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Sebagai persediaan pelaksanaan Sekolah Seni pada tahun 2007, pihak PPK telah mengambil inisiatif memberi kursus orientasi dalam menyediakan modul sahaja kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA), Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2007) kepada JU SSeM. Jurulatih-jurulatih tersebut telah didedahkan kepada modul yang disediakan khas untuk Sekolah Seni. Mata pelajaran tersebut merangkumi disiplin Seni Visual, Seni Tari, Seni Teater dan Seni Muzik.

Justeru itu, KPM telah mewujudkan mata pelajaran Seni Teater merupakan sebuah bidang karya seni yang memerlukan kreativiti, kesenian, kecekalan, dan kemantapan dalam berkarya serta pementasan (KPM, 2017). Seni Teater merangkumi unsur tarian, nyanyian, muzik, drama, bahasa dan puisi serta pelbagai bentuk karya seni kreatif yang dapat dihasilkan melalui persembahan secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan (Ismahisham, 2011). Walau bagaimanapun, terdapat jurang





pengetahuan guru tentang isi kandungan kurikulum dan pedagogi sedia ada tidak dapat dipraktikkan sepenuhnya kerana pengetahuan dan kemahiran sedia ada guru masih lemah kerana pembelajaran yang hanya sekadar pengalaman (Shing et al., 2015). Jurulatih Seni Teater perlu mempelbagai kandungan kurikulum selari perkembangan dan keperluan pendekatan PAK-21, KBAT dan EMK kerana di sekolah sebegini perlukan pengajaran berbentuk kritis, kreatif dan inovatif seperti penyampaian secara teknik atau pendekatan bagi menyokong pembelajaran lebih menarik, kritikal dan berkesan serta efektif.

Pendidikan yang berkualiti dalam menjayakan aspirasi negara dan sistem dalam melahirkan guru yang kompeten, beretika serta profesion pilihan adalah menjadi aset penting. Jurang berikutnya, guru yang tidak mempunyai kelayakan akademik atau ikhtisas pendidikan khusus mata pelajaran yang diajar didapati kurang memahami dan terdapat jurang atau masalah pedagogi dan isi kandnugan kehendak setiap topik kurikulum yang mereka ajar, sehingga PdP mereka tidak membantu murid mencapai matlamat yang ditetapkan dalam kurikulum (Jain, 2017; Cathrine, 2019). Tambahan pula, kekurangan kefahaman guru bukan pengkhususan terhadap kurikulum mata pelajaran menyebabkan mereka tidak dapat membincangkan sesuatu kandungan dalam kurikulum dengan lebih mendalam malah dapat menyediakan modal insan yang sempurna bagi memastikan dan merealisasikan hasrat KPM kerana guru mengajar mengikut kefahaman mereka. Selain itu, guru hanya mengajar apa yang mereka sudah tahu dan faham sahaja melalui pengalaman (Baharudin et al., 2018).

Kurikulum baharu seperti Seni Teater merupakan salah satu mata pelajaran KSSM SSeM baharu yang diajar kepada murid-murid bermula peringkat menengah





rendah tingkatan satu hingga tiga, dan kurikulum juga akan ditawarkan kepada murid-murid menengah atas tingkatan empat dan lima mulai tahun 2020 (BPK, 2017). Guru bukan pengkhususan atau ikhtisas dan kelayakan akademik sering salah faham tentang kurikulum mata pelajaran yang baru diajar (Aini & Zanaton, 2018). Jadi, mata pelajaran Seni Teater diajar oleh jurulatih SSeM yang tidak mempunyai kepakaran khusus dalam bidang pendidikan dan/atau Seni Teater tersebut. Oleh itu, kurangnya kefahaman terhadap isi kandungan mata pelajaran, guru yang terlibat tidak dapat menyampaikan isi kandungan sebenar mata pelajaran dengan berkesan (Aini & Zanaton, 2018). Sementara itu, Umi Kalsum dan Fonny (2016) mendapati guru bukan pengkhususan sukar untuk menggunakan pendekatan, teknik, BBM, pengurusan kelas dalam PdP yang bersesuaian dengan topik kerana kurang penguasaan ilmu dalam bidang yang diajar atau kurang terlatih dalam pedagogi. Guru bukan pengkhususan didapati kurang yakin semasa menyampaikan ilmu, dan selalunya komunikasi yang kurang berkesan antara guru dan murid (Kam, Chan, Hin, & B Yung, 2018; Paolucci & Dwyer, 2017; Plessis, 2018). Realitinya, jika dibandingkan dengan mereka yang mempunyai pengetahuan khusus dalam mata pelajaran yang diajar, keupayaan guru bukan pengkhususan mengawal dan pengurusan kelas serta pengendalian BBM atau ABM semasa sesi PdP adalah agak lemah (Kam et al., 2018).

Tambahan lagi, bidang apresiasi seni diterapkan sebagai salah satu komponen dalam mata pelajaran Seni Teater di SSeM. Namun, setelah komponen apresiasi seni dimuat sebagai salah satu elemen dalam kurikulum Seni Teater tetapi amalan psikologi dan sosiologi pendidikan masih kurang mendapat pendedahan antara guru dan murid. Hal ini kerana guru lebih fokus pada bidang pengeluaran psikomotor daripada yang melibatkan teori seni seperti pengurusan, sejarah dan penghayatan seni kerana tidak





menguasai bidang tersebut. Deddy (2007), menekankan guru yang meminima amalan dalam melaksanakan apresiasi seni seperti apresiasi Seni Teater telah menjadi salah satu penyebab utama pembelajaran tentang penghayatan kurang berjaya serta persepsi guru bahawa pengajaran hanya tertumpu pada teori dan tiada keberhasilan secara praktikal serta kemenjadian murid. Penemuan ini juga telah dikemukakan oleh Iberahim, Hassan, dan Jamilah (2003) menunjukkan bahawa masalah yang paling jelas adalah bahawa guru tidak dapat mengajar topik penghayatan seni dengan sempurna iaitu amalan nilai dan disiplin yang harus diterapkan dalam seni. Tambahan pula, implikasi pembelajaran di bilik darjah hanya menekankan penekanan psikomotor sahaja tanpa memaksakan nilai kognitif dan afektif sekaligus tiada penerapan kurikulum yang sempurna. Jadi, laporan KPM (2013) melalui pemeriksaan pengajaran oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) serta dapatan kajian-kajian berkaitan pengetahuan pedagogi isi kandungan guru dari KPM dan JPT bermula tahun 2017, telah mengenal pasti tiga masalah utama sebagai punca kepada kurang pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi dalam kalangan guru khususnya bagi mata pelajaran baharu kajian khusus Seni Teater SSeM berkaitan kurikulum dan pentaksiran.

Pengajaran oleh guru atau dikenali sebagai JU bidang Seni Teater diteruskan dengan hanya penggunaan modul sahaja dan tidak ada lagi kewujudan atau sebarang program khusus dalam penjenamaan dan tawaran pendidikan teater atau pengajian teater di dalam pasaran peringkat KPM (BKK, 2007). Transformasi Kurikulum dan pementapan PdP SSeM bermula dengan KSSM SSeM pada tahun 2017 dan penggunaan Buku Teks bermula tahun 2016 yang dibentuk berpandukan FPK dan prinsip Rukun Negara dengan matlamat menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan jasmani, emosi, rohani, insan, selain menguasai pengetahuan





dan kemahiran asas serta memupuk sikap positif dan nilai-nilai murni (KPM, 2003). Hasrat KPM dalam merealisasikan anjakan paradigma keempat gelombang pertama dalam transformasi keguruan sebagai profesion pertama dan kini gelombang ketiga dalam transformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian serta anjakan prestasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM, 2013-2025). Guru SSeM merupakan JU yang bertanggungjawab secara langsung dalam melaksanakan kurikulum sekolah seni dan memainkan peranan utama dalam membentuk hasil pembelajaran bagi setiap tunjang pembelajaran yang diajar. Guru perlu kreatif dan inovatif menghasilkan PdP yang berkesan kerana mereka memainkan peranan sebagai pemangkin untuk berdaya saing dalam aspek pendidikan terutama memaksimumkan pemahaman (Muhamad Zaki, Razali Hassan, Azman Hasan, & Mohd As'ed, 2013).



Justeru itu, JU SSeM mesti melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran,

amalan, etika, dan sikap positif selaras dengan keperluan kurikulum SSeM, kerana guru adalah individu yang paling berpengetahuan dan berkecualan untuk memilih strategi yang berkesan dan paling sesuai semasa melaksanakan proses pengajaran. (Baharudin et al., 2018). Guru juga perlu memainkan peranan yang aktif dalam proses PdP sehingga perubahan tingkah laku murid yang diingini berlaku. Menurut Shulman (1986), pengetahuan yang mendalam tentang pengetahuan isi kandungan, pengetahuan tentang pedagogi yang sesuai dengan umur, serta pengalaman murid yang diajar dan strategi, pendekatan, teknik yang digunakan serta penggunaan BBM dan pengurusan kelas boleh membantu murid mencapai pembelajaran yang bermakna (Chee et al., 2018). Program kejurulatihan dalam pendidikan dan kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) baru sahaja dilancarkan bagi pemantapan pengetahuan dan pedagogi dalam kompetensi serta amalan etika keguruan dalam pendidikan (BPG, 2020). Selain itu, Program





Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) telah ditawarkan kepada jurulatih bukan bidang pengkhususan pendidikan bagi pemantapan jurulatih SSeM (BSKK, 2020). Hal ini kerana JU SSeM bukanlah berlatar belakang ikhtisas atau kelayakan akademik pendidikan teater atau drama dan tidak mempunyai kursus atau diploma pengajian dalam pendidikan, malah JU yang dilantik oleh KPM menjadi tenaga pengajar hanya sekadar bagi mencapai objektif penubuhan sekolah seni semata-mata dan lantikan tenaga pengajar atau jurulatih tersebut yang berkelayakan status perjawatan lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) bagi perjawatan secara kontrak iaitu hanya untuk mengisi kekosongan jawatan melalui minat dan pengalaman guru tersebut semata bagi menjadi melengkapkan kuota perjawatan.

Mata pelajaran Seni Teater merupakan kurikulum format baharu di Sekolah



Seni Malaysia (BPK, 2017). Jadi, guru yang mengajar mata pelajaran format baharu menghadapi kesukaran untuk memperoleh kedua-dua maklumat dan kaedah pengajaran yang sesuai untuk kursus tersebut (Cathrine, 2019). Sementara itu, kajian terhadap amalan pedagogi guru yang dilakukan oleh Baharudin, Mohamad Sattar, dan Haryanti (2018) mendedahkan amalan pedagogi guru bertauliah atau ikhtisas masih berpusatkan tradisional, tidak pelbagai strategi, kurang menggunakan pendekatan dan teknik, serta berpusatkan guru sahaja atau sehalu. Matlamat elemen teater dan drama dalam pendidikan adalah untuk memadankannya dan mengaplikasikannya kepada mata pelajaran lain supaya pengajar masa depan yang mengajar mata pelajaran sedia ada dan baharu akan dapat memahami sebarang kepakaran pengetahuan pedagogi isi kandungan berkaitan elemen merentas kurikulum dan kemahiran berfikir aras tinggi.



Menurut Shulman (1986), pendekatan PPIK merupakan satu strategi pengajaran yang sesuai untuk semua jenis mata pelajaran berasaskan masalah, inkuiri, dan berasaskan projek serta produksi dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang konstruktif, inovatif dan kreatif seperti kurikulum baharu Pendidikan Kesenian amnya. Guru berperanan penting dalam menarik minat dan kemahiran berfikir murid dalam meneruskan dalam persekitaran pembelajaran kondusif (Pella, 2015). Menurut Iberahim, Mahamod, dan Mohamad (2017), pengetahuan isi kandungan dan pedagogi guru mempengaruhi sikap, motivasi dan pencapaian murid khususnya di sekolah. Bagi menyampaikan PdP yang cekap di dalam bilik darjah, setiap guru mestilah mempunyai kelayakan akademik, ikhtisas dan pendidikan formal dalam mata pelajaran tersebut agar mempunyai kefahaman yang mendalam tentang mata pelajaran tersebut dan dapat mempelbagaikan metodologi pengajaran (Shing et al., 2015). Cabaran terbesar yang dihadapi jurulatih Seni Teater ialah majoriti daripada mereka tidak mempunyai kelayakan profesional yang diperlukan untuk mengajar subjek tersebut. Jadi, jurulatih ini mengajar kurikulum dan mata pelajaran Seni Teater sebagai subjek bukan pengkhususan atau ikhtisas atau kelayakan akademik. Tambahan pula, mata pelajaran Seni Teater merupakan kurikulum baharu dalam sistem pendidikan Malaysia. Namun pengetahuan, kemahiran, dan amalan jurulatih khusus lakonan dalam transformasi kepada pelaksanaan pengajaran menjadi isu utama dalam kerangka kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Permasalahan wujud apabila guru harus memperkasa pengetahuan dan pedagogi proses pengajaran dan pembelajaran melalui pengajaran fakta dan konsep sebagai



pengetahuan isi kandungan, untuk memperoleh kemahiran dengan berinteraksi, mengaplikasikan, menilai, mencipta pengetahuan baru dan penyelesaian masalah serta pemikiran tahap tertinggi diperlukan (Vinothini, 2019; Dewitt, Alias, & Siraj, 2015, Martin, 2006; Ronen & Pasher, 2011). Oleh itu, kemahiran dan amalan guru ini dapat dicapai melalui interaksi sosial, kritikal dan proses kognitif semasa pembelajaran kolaboratif dan koperatif (DeWitt, Alias, Siraj, & Zakaria, 2014).

Isu dan permasalahan pertama yang dikaji dalam kajian ini ialah kekurangan kesediaan dan kesedaran guru bukan pengkhususan atau jurulatih tentang pengetahuan dan kefahaman isi pelajaran dalam isi kandungan kurikulum, format serta pentaksiran autentik berdasarkan KSSM baharu. Azmi dan Nurzatulshima (2017) percaya bahawa pengetahuan harus disampaikan secara holistik, bersepadu dan menyeluruh ke dalam mematuhi aktiviti pembelajaran. Guru mestilah mahir dalam pelbagai kaedah pengajaran bagi memberi peluang kepada murid yang mempunyai keperluan pembelajaran yang berbeza-beza dengan pelbagai latar belakang untuk mencapai potensi sepenuhnya dan kemenjadian murid. Keupayaan guru, serta penyesuaian dan pengetahuan mereka, untuk menghasilkan dan menggunakan seberapa banyak idea, model dan teori yang boleh dilaksanakan, serta berjaya berkomunikasi tentang konsep baharu, strategi dan pendekatan pelbagai serta teknik pengajaran yang efektif, selain dibantu oleh daya kreatif dan kreativiti (Intan Marfarrina, 2021). Guru bukan pengkhususan menghadapi kesukaran untuk memahami bahan atau isi pelajaran mata pelajaran yang diajar dan menetapkan objektif dan hasil pengajaran berdasarkan kandungan kurikulum (Aini & Zanaton, 2018; Umi Kalsum & Fonny, 2016). Semasa pelaksanaan aktiviti PdP, jurulatih tidak dapat memberikan definisi yang jelas tentang pengetahuan, kemahiran, dan nilai pembelajaran tertentu. Oleh kerana latar belakang,





kepakaran, dan pensijilan profesional jurulatih bukan akademik atau pengkhususan atau program dalam pendidikan, guru yang dilantik sebagai jurulatih di SSeM oleh KPM hanyalah mengisi peranan atau sekadar mengisi jawatan guru tidak terlatih atau guru secara kontrak dan tidak mempunyai pengkhususan profesional atau akademik yang dikenali sebagai ikhtisas. Permasalahan ini menyebabkan murid tidak dapat menguasai sepenuhnya pengetahuan, kebolehan, dan cita-cita pembelajaran yang sepatutnya dikuasai kerana guru tidak mampu meletakkan penguasaan ilmu yang sepenuhnya berdasarkan disiplin ilmu dan kandungan (Zakaria & Ahmad, 2021b).

Pengetahuan guru yang tidak mencakupi tentang isi kandungan dan hasil pelajaran telah menjejaskan beberapa keupayaan, kemahiran dan keyakinan yang perlu ada pada guru semasa melaksanakan PdP (Baharudin, 2018; Cathrine, 2019; Sebastian, 2020; Intan Marfarina, 2021). Menurut Ng (1998), Yusminah (2004), dan Emine (2010), guru yang tidak memahami isi kandungan dan hasil pelajaran tidak dapat membantu atau membimbing murid secara teori dan praktikal sepenuhnya malah akan menghadapi masalah pembelajaran dalam memberikan penerangan dan pemahaman yang menyeluruh dan mencukupi dalam konteks standard kandungan, pembelajaran dan prestasi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) baharu.

Penguasaan guru terhadap mata pelajaran dan kurikulum serta cara mereka menyampaikan pengajaran melalui pedagogi yang sesuai dengan kemahiran dan amalan yang hendak diajar adalah faktor kritikal dalam kejayaan pembelajaran murid (Shulman, 1986). Hasilnya, jurulatih akan meletakkan nilai dan etika yang tinggi terhadap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK), yang menekankan konteks pengetahuan, kemahiran, dan nilai khusus dalam PdP dan dilihat sebagai intipati





pemahaman dalam transformasi pengajaran guru. Semasa pelaksanaan aktiviti PdP, jurulatih tidak dapat memberikan penerangan prinsip dan teori yang berkaitan tentang pengetahuan, kemahiran, dan nilai pembelajaran secara khusus. Jadi, murid tidak dapat menguasai sepenuhnya pengetahuan, kemahiran, dan nilai pembelajaran yang sepatutnya dikuasai akibat langsung daripada konsep sebenar, dan dengan itu meletakkan penguasaan isi kandungan, tambahan, dan pelengkap kurikulum sebagai dokumen tambahan dalam Dokumen Penjajaran Kurikulum (BPK, 2021).

Guru harus fokus menguasai standard kandungan dan standard pembelajaran, standard prestasi, pengetahuan semasa murid, menyediakan sumber, pengurusan kelas, dan memilih strategi dan teknik serta kemahiran yang sesuai (Ariffin & Yunus, 2017). Menurut Rajendran (2014), guru seharusnya dapat menyampaikan kaedah dan pedagogi yang berkesan dan kritikal, menarik dan interaktif, serta mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi keperluan dan minat murid sekaligus meningkatkan kemahiran berfikir dan pembelajaran kreatif dan inovatif. Tambahan pula, pembelajaran mesti dicapai secara bermakna melalui strategi "*learning by doing*" yang menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kritikal pada tahap yang lebih tinggi. Malah, mereka lebih kreatif dan inovatif, serta mampu mengembangkan pengetahuan dan kemahiran serta amalan dalam pembelajaran (Ariffin & Yunus, 2017).

Menurut Shulman (1986), isi kandungan sesuatu mata pelajaran dan kurikulum membolehkan guru menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang penting dalam membangunkan PdP. Jika masalah pemahaman isi kandungan dalam kalangan jurulatih Seni Teater tidak ditangani dengan berkesan, ia akan memberi kesan langsung





kepada pembelajaran murid, dan matlamat KPM untuk menyediakan murid sekolah seni dan melahirkan insan yang seimbang tidak akan menyeluruh. Tambahan pula, pelaksanaan PdP yang tidak berasaskan kurikulum atau sekadar modul dan tidak mengikut kehendak peredaran zaman dan perkembangan murid akan memberi impak kepada pembelajaran dan matlamat kurikulum itu sendiri (Cahyono, Kurnianti, & Mutiaraningrum, 2016). Hasilnya, kefahaman isi kandungan jurulatih Seni Teater dan bagaimana mereka melaksanakan pedagogi dalam PdP jika mereka kekurangan pengetahuan dan kemahiran pedagogi yang diperlukan bagi mengaplikasikan pengetahuan pedagogi isi kandungan dan kualiti pengajaran yang ideal dalam pembangunan profesionalisme.

Permasalahan kedua adalah kekurangan pengetahuan tentang pedagogi mengenai kemahiran atau kebolehan serta keupayaan dalam transformasi pelaksanaan pengajaran merupakan yang juga isu kedua kajian. Kepentingan pengetahuan pedagogi dalam mata pelajaran dan kurikulum Seni Teater dalam menangani isu-isu dunia global dan cabaran yang mendatang dalam mendepani dunia PAK-21 dan KBAT meliputi komunikasi, kolaboratif dan kemahiran berfikir aras tinggi oleh jurulatih SSeM. Jurulatih mesti memimpin dalam mengekalkan minat dan motivasi murid dengan membuat percubaan dan membangunkan pelbagai gaya atau strategi, teknik, dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna (Iberahim, Mahamod, & Mohamad, 2017). Persidangan Kompetensi Guru Asia Tenggara untuk PAK-21 dalam program *Global Citizenship Education (GCED)* telah mengenal pasti kompetensi pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan guru dalam PAK-21, yang merangkumi: i) bagaimana murid mengembangkan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran kerjaya mereka; ii) mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif;





iii) memudahkan pembelajaran; iv) menyediakan rancangan pengajaran yang selaras dengan visi dan misi sekolah; v) membangunkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT); vi) membangun dan menggunakan kemahiran analitik pengajaran vii) membangunkan etika; viii) menilai dan mentaksir pencapaian murid; dan ix) memupuk hubungan dengan penggubal dasar dalam bidang pendidikan (SEAMEO, 2015).

Guru mata pelajaran baharu bukan pengkhususan di Malaysia berada dalam dilema yang sama, kerana mereka bergelut untuk mencari kaedah yang boleh diterima untuk isu tersebut (Cathrine, 2019). Tambahan pula, guru bukan pengkhususan menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan pendekatan, teknik, BBM atau ABM serta pengurusan kelas dengan mata pelajaran yang mereka ajar (Kam, Chan, Hin, & B Yung, 2018; Kola & Sunday, 2015; Plessis, 2018). Menurut William (2008), sebilangan guru sekolah yang diperhatikan hanya menggunakan amalan yang minima daripada amalan pedagogi yang sepatutnya mereka gunakan dalam melaksanakan PdP kerana sebilangan besar pengajaran guru yang diperhatikan didapati berpusatkan guru dan bersifat konvensional, dengan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran yang terhad.

Gaya pembelajaran, kemahiran, amalan, konsep, teknik, strategi, dan prosedur pengajaran semuanya diliputi oleh pedagogi, yang merupakan asas kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh guru (Ariffin & Yunus, 2017). Proses pengajaran dan pembelajaran yang teratur, menyeronokkan dan kondusif dapat mendorong murid untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan memastikan mereka bermotivasi sepanjang proses PdP (Salehudin, Hassan, & Hamid, 2015). Jurulatih Seni Teater harus menggunakan dan menyesuaikan teknik dan pendekatan yang berdasarkan kemahiran pedagogi yang berkesan. Aktiviti PdP yang





bersifat deskriptif dan teori semata-mata akan menyebabkan murid tidak menguasai pengetahuan, kemahiran, nilai, dan kepercayaan tentang sesuatu perkara tidak akan kekal, dan peneguhan sesuatu perkara tidak akan dapat dilaksanakan oleh jurulatih, yang akhirnya gagal untuk menyediakan murid Sekolah Seni Malaysia ke peringkat menengah atas atau lebih tinggi kerana kurikulum menjadi semakin sukar. Guru bukan pengkhususan atau bukan ikhtisas atau akademik pendidikan kurang yakin dalam menyampaikan maklumat, malah strategi komunikasi dan pedagogi antara guru dan murid kurang berkesan (Plessis, 2018; Paolucci & Dwyer, 2017). Realitinya, berbanding guru yang mempunyai kompetensi, intruksional dan dikenal sebagai pedagogi dalam pengajaran, keupayaan guru bukan pengkhususan mengendali sumber BBM dan mengurus kelas juga semasa sesi PdP adalah agak lemah (Kam et al., 2018).



memetakan standard kandungan, pembelajaran dan prestasi atau kandungan kurikulum yang kompleks atau rumit, serta isu peperiksaan berpusatkan sekolah atau Pentaksiran Sekolah (PS) seperti Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) atau Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), di mana guru dikehendaki melengkapkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) serta menyediakan murid untuk pentaksiran autentik, tidak dapat menyampaikan pedagogi secara mendalam atau pengajaran yang menyeluruh (Saad, Saad, & Dollah, 2012). Akibatnya, kegagalan guru mengadaptasi aktiviti pembelajaran dengan pendekatan dan teknik pengajaran akan mengakibatkan tiada hala tuju dan objektif pembelajaran, serta pendekatan yang tidak sesuai dengan konteks kurikulum. Tambahan pula, oleh kerana guru kurang pengetahuan atau kemahiran pedagogi tentang banyak model, teori, dan metodologi, guru tidak dapat memberi penekanan kepada murid tentang sesuatu konstruk pembelajaran yang diajar





dan tidak dapat memberikan justifikasi kepada soalan yang dibangkitkan oleh murid dan akibatnya timbul isu dalam PdP (Chee et al., 2018). Tambahan pula, Ozdemir et al. (2017) mendapati pengetahuan pedagogi isi kandungan guru kurang dipraktikkan daripada latihan mendalam selama bertahun-tahun di KPM dan JPT, malah memberi impak yang rendah terhadap pengetahuan, kemahiran dan amalan pengajaran guru pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Menurut Naseer (2018) bersetuju dengan kajian ini, menyatakan bahawa dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, semakin kurang guru yang mempunyai kefahaman umum tentang integrasi pengetahuan isi kandungan mata pelajaran dan pengetahuan am pedagogi.

Isu dan permasalahan ketiga yang dibangkitkan oleh kajian ini ialah kelemahan pengetahuan pedagogi dalam menerapkan etika, nilai murni dan disiplin atau amalan terbaik dalam pengajaran iaitu kefahaman tentang pengintegrasian pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi, yang kemudiannya ditransformasikan melalui perancangan, penyediaan rancangan pengajaran, dan seterusnya pelaksanaan pengajaran, iaitu bagaimana jurulatih memberikan kefahaman kepada murid tentang sesuatu isi kandungan melalui pedagogi yang mengamalkan disiplin dan nilai. Mengikut kajian KPM (2013; 2012d), pelaksanaan amalan dalam PdP guru tidak menepati pedagogi pengajaran yang dicadangkan dalam SKPM (2010) dan masih berada di tahap minima. Walau bagaimanapun, menurut Zakaria et al. (2022) mendapati kekurangan pengajaran berpunca daripada kekurangan kompetensi guru dan etika keguruan seperti dalam kerangka SGM 2.0 dan mengenai pendekatan atau teknik pengajaran dan pembelajaran dalam SKMPg2. Tambahan lagi, kurang penerapan pelbagai amalan seperti PAK-21, EMK dan KBAT dalam reka bentuk dan kerangka kurikulum format baharu, terutama kerangka konsep KSSM. Isu amalan dan etika





keguruan melibatkan amalan dalam pengajaran iaitu bagaimana kefahaman jurulatih diterjemahkan kepada amalan bertindak dalam mengamalkan etika untuk menerapkan nilai murni dan disiplin yang ditransformasikan melalui perancangan, penyediaan dan pelaksanaan pengajaran bagi membentuk kemenjadian murid. Perspektif guru terhadap pendekatan dan teknik pengajaran harus merangkumi pemikiran kreatif, inovatif, dan kritis, serta fokus kepada penyelesaian dan kecekapan dalam membuat keputusan (Osman & Basar, 2016). Jurulatih seharusnya dapat menetapkan hala tuju dan matlamat untuk menjana nilai dan disiplin yang cemerlang dalam pembentukan modal insan kelas pertama selaras dengan FPK, Rukun Negara, SGM 2.0, SKPMg2 dan visi serta misi Sekolah Seni Malaysia (SSeM) dalam keseimbangan potensi dan seni murid.

Tambahan lagi, terdapat guru berpengalaman tidak menguasai ilmu berkaitan pengetahuan pedagogi dan kandungan secara am (Nurul Ashikin, Fong Peng, & Zuraida, 2021). Oleh itu, permasalahan yang dihadapi jurulatih sekolah seni yang melibatkan pengetahuan am dan khusus dalam pengetahuan isi kandungan, kemahiran dan amalan dalam pengetahuan pedagogi mereka yang paling utama ketika mengendalikan aktiviti. Jadi, jurulatih perlu mengetahui PPIK mata pelajaran Seni Teater selaras DSKP KSSM SSeM, buku teks dan pentaksiran autentik. Selain itu, jurulatih perlu mendalami pengetahuan pedagogi isi kandungan setiap bidang merangkumi keseluruhan kurikulum baharu dalam membangun identiti, membentuk profesion keguruan yang berkualiti dengan kepercayaan pada diri, mahir bereksperimentasi, menerapkan unsur penciptaan dalam kemahiran, dapat memetakan objektif isi pelajaran dan hasil pembelajaran serta mampu mentransformasi pengajaran serta dapat menjana amalan nilai murni dan disiplin dalam pelaksanaan pengajaran berkesan (Özmen, 2011).



Isu dan permasalahan yang lain mengikut kajian Cloke, Sabariah, dan Abdul Said (2006) mendapati amalan guru-guru di Malaysia lebih gemar menggunakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sahaja dalam aktiviti pengajaran sebagai rutin harian, berbanding sebagai proses penambahbaikan dan mencerminkan nilai dalam pembelajaran dan latihan murid serta penerapan disiplin dalam melaksanakan pengajaran. Tambahan pula, disebabkan kurangnya kefahaman, guru didapati kurang berkebolehan untuk menajalankan inovasi atau Amalan Terbaik Pembelajaran (ATP), kreativiti Alat Bantu Mengajar (ABM) dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) atau sumber pengajaran sedia ada, guna semula atau disediakan sendiri serta mengintegrasikan pelbagai pendekatan dalam aktiviti pembelajaran murid secara berkumpulan atau berpusatkan murid dalam pengurusan kelas (Dewitt, Alias, & Siraj, 2015; Koehler, Greenhalgh, Rosenberg, & Keenan, 2017; Chee et al., 2018).

Secara dasarnya, masih tiada kurikulum khusus dari KPM dan JPT atau model panduan bagi pendidikan guru bukan pengkhususan atau ikhtisas pendidikan dan/atau Seni Teater khususnya pengetahuan pedagogi isi kandungan mata pelajaran Seni Teater sebelum atau selepas wujudnya KSSM. Hal ini berlaku kerana pihak yang diberi tanggungjawab untuk mengurus jurulatih Seni Teater tidak mempunyai panduan khusus untuk melatih jurulatih Pendidikan Kesenian khususnya Seni Teater pada awal penubuhannya. Akibatnya, tiada kepakaran harus diajar kepada jurulatih bukan pengkhususan ini yang melaksanakan proses pengajaran Seni Teater. Namun begitu, terdapat kajian dari negara lain yang boleh dijadikan panduan kepada ilmu dan kemahiran yang perlu diberikan kepada bakal guru atau guru dalam perkhidmatan dan fokus kursus lakonan kerana keperluan asas pengetahuan sedia ada dalam membangunkan sesebuah model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan untuk



guru bukan pengkhususan yang telah disesuaikan dan diubah suai oleh pakar-pakar (Hanning, 1984; Sarason, 1999; Griggs, 2001; Hart, 2007; Özmen, 2011). Kajian dalam negara dengan mengadaptasi Model Teknik Seni Lakon Nazri (Mohamad Nazri, 2008) dan Teori SPB4L/SPB4K dalam Kesusasteraan Melayu (Mohd Yusuf, 2004) yang telah membuktikan penerapan Seni Teater dalam pengajaran.

Selain itu, kajian keselarian pengajaran guru dan seni persembahan dapat merangsang minat dan kemahiran berfikir murid terutama murid yang memerlukan lebih praktikal atau kemahiran dalam pembelajaran (Mohd Azly, 2016; Fadilah 2014; Muhammad Faisal, 2012). Tambahan lagi, kajian dalam menanamkan pendekatan pembelajaran hibrid (Nor Shuradi, 2019), kajian teknik improvisasi di sekolah (Ahmad, Abdullah dan Ali, 2021), kajian kurikulum dan pentaksiran sekolah seni (Zakaria et al., 2022). Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini hanya memberi limitasi pada sebuah negeri dan tidak menggunakan kurikulum sebenar Seni Teater iaitu KSSM Seni Teater SSeM bermula 2017. Namun demikian, seperti yang telah dilaporkan oleh Rahman et al. (2018), kajian yang telah dijalankan mendapati tahap kompetensi pengetahuan guru dalam mengaplikasi kurikulum semakan baharu adalah berada pada tahap sederhana dan rendah. Guru kurang pengetahuan dan pemahaman yang luas tentang kandungan kurikulum dan pedagogi pengajaran, yang amat penting pada masa kini, kerana pendekatan ini menuntut guru untuk dapat mengintegrasikan isi kandungan dan kepakaran pedagogi dalam pembelajaran (Sebastian, 2020). Tambahan pula, Ozdemir et al. (2017) mendapati tiada peningkatan yang ketara dalam pengetahuan guru dari bermula latihan dalam pendidikan sehingga dalam perkhidmatan, menunjukkan bahawa pengetahuan tenaga pengajar tentang strategi, teknik dan pendekatan pengajaran adalah tidak mencukupi. Kajian ini diperkukuh oleh Naseer (2018), yang





mendakwa guru kekurangan pengetahuan isi kandungan am, pengetahuan pedagogi, pengetahuan kurikulum, dan pengetahuan murid. Malah, masih ramai guru terus menggunakan pengajaran berpusatkan guru tradisional dan kurang penggunaan BBM atau ABM (Azmi & Nurzatulshima, 2017). Penyelidikan ini disokong oleh kajian yang diterbitkan dalam *"Empowering Teachers, Empowering Students"* oleh Mahamod (2011) yang bermaksud proses penyampaian ilmu adalah pasif, dan akibatnya, penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran terbatas. Tambahan pula, Amalan Pembelajaran Terbaik (ATP) sebagai tambah nilai dalam kaedah, strategi, teknik, pendekatan dan sumber yang seimbang untuk memastikan gabungan harmoni guru, murid dan penumpuan bahan serta membantu murid kekal fokus sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah kurang diterapkan (Yunos, 2015).



pemahaman yang luas tentang pedagogi, isi kandungan mata pelajaran, dan keperluan pembelajaran murid (Intan Marfarrina, 2021). Tambahan pula, guru mesti memahami bukan sahaja bahan isu dan kandungan semasa, tetapi juga kandungan mata pelajaran terdahulu (Veloo, Krishnasamy, & Md-Ali, 2015). Tambahan lagi, guru yang berpengetahuan, berkemahiran, dan mempunyai amalan terbaik boleh memberi impak keberhasilan dalam dunia pendidikan. Walau bagaimanapun, semasa menyampaikan pengajaran, tidak semua guru, terutamanya jurulatih di SSeM, mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta amalan pelaksanaan pengajaran yang mendalam. Jadi, kekurangan pengetahuan, kemahiran dan amalan yang optimum oleh jurulatih di SSeM adalah cadaran dan isu permasalahan kini.





Kajian transformasi dalam kurikulum terutama Pendidikan Kesenian sangat diperlukan walaupun pengetahuan boleh disediakan, kemahiran dapat dipraktikkan dan amalan nilai murni diterapkan serta latihan lakonan jurulatih Seni Teater boleh dilatih, namun banyak kekangan dan limitasi dari segi teori dan model serta konsep seperti sejarah tokoh, pendekatan prinsip lakonan, pengurusan seni persembahan, penulisan skrip, sinografi, dan apresiasi seni perlu dipelajari. Ini kerana, jurulatih tersebut tidak pernah dilatih secara teori dan praktikal secara menyeluruh dan secara mendalam. Malah daripada kesulitan ini, jurulatih mesti mencari pengalaman mereka sendiri untuk menambah pengetahuan dan kebolehan mereka, sama ada melalui rakan, membaca, atau menghadiri seminar, kursus, bengkel atau program. Selain itu, guru atau jurulatih mesti bersedia melibatkan diri dalam proses pembelajaran berterusan atau sepanjang hayat yang mengimbangi perkembangan fizikal, intelek, mental dan sosial (Haryati



Pembangunan modal insan, menurut Hilmi (2009), perlu dilaksanakan secara holistik dan menyeluruh dari segi pertumbuhan intelek, jasmani, emosi, dan rohani. Walau bagaimanapun, cabaran seperti perancangan dan pelaksanaan pengajaran, serta kesan terhadap fungsi jurulatih Seni Teater SSeM, adalah disebabkan oleh kekurangan latihan atau model panduan dalam menjana guru yang berkualiti dan berkesan, serta kekurangan pengetahuan pedagogi isi kandungan. Hasilnya, penyelidikan ini dijalankan secara mendalam dengan sokongan metodologi untuk mengesan dan mengenal pasti isu dan permasalahan dalam pengetahuan pedagogi isi kandungan jurulatih Seni Teater dalam pelaksanaan pengajaran khusus lakonan yang boleh diatasi melalui teori, model, bahan rujukan atau dokumen rasmi dan tidak rasmi seperti dokumen standard kurikulum dan pentaksiran, buku teks atau modul digunakan bagi





menangani isu dan masalah tersebut. Namu begitu, kajian ini mengenal pasti dan untuk pengetahuan serta meneroka kemahiran dan amalan jurulatih Seni Teater focus bidang lakonan dalam penerapan atau pendekatan dan teknik pengajaran dapat memartabatkan profesion guru sebagai pilihan utama khususnya jurulatih-jurulatih di SSeM sekaligus membentuk kemenjadian murid dan modal insan kelas pertama (PPPM, 2013-2025).

Menurut Laporan KPM (2013; 2012d) menyatakan, pelaksanaan PdP guru tidak sesuai dengan amalan instruksional sahaja kerana ia berada di bawah tahap minimum yang disyorkan. Ini berikutan terdapat pelbagai elemen yang mempengaruhi isu dan permasalahan tambahan lain yang timbul dalam memperkasa profesion keguruan tugas mengajar. Selain itu, penggunaan bahan dalam strategi pengajaran guru juga berupaya menarik kecenderungan murid untuk mengikuti pembelajaran, seterusnya mempertingkatkan pencapaian akademik mereka (Faizah, 2017). Pengajaran menggunakan strategi pemusatan bahan juga sukar dilaksanakan disebabkan beberapa faktor yang paling ketara ialah kekurangan bahan rujukan rasmi atau alat yang akan digunakan (Mohd Faez et al., 2013; Nachiappan et al., 2017; Zairul Anuwar, 2016). Menurut Daud (2000) dan Mohd Zubir (2013), oleh kerana tiada panduan yang tepat untuk membentuk maklumat asas, pelengkap dan tambahan, guru menggunakan lebih minima buku teks di dalam bilik darjah. Tambahan pula, penggunaan buku teks menjadi isu dalam menambah baik pengajaran guru di sekolah kerana memerlukan masa yang lama untuk mencari bahan pengajaran apabila menggunakan buku teks (Abu Bakar et al., 2008). Walau bagaimanapun, sepanjang dekad ini, penggunaan buku teks oleh guru telah diperhatikan semakin menurun. Menurut Norihan Rahmat (2003) (dipetik dalam Marohaini Yussof, Abd Murad Salleh, & Shahrir Jamaluddin, 2005), hanya 41.1% sahaja guru menggunakan buku teks secara berkala. Akibatnya, pendekatan atau kaedah





semasa pengajar menyumbang kepada masalah ini, kerana antara sikap yang paling tipikal dalam kalangan guru ialah keengganan untuk mengubah diri agar sentiasa melakukan penambahbaikan dan pembangunan profesion (Zamri Mahamod, 2011).

Secara khususnya, isu dan permasalahan utama kajian ini yang perlu diberi perhatian oleh penyelidik amnya serta khusus jurulatih Seni Teater fokus bidang lakonan adalah untuk merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan tugas mengajar professional jurulatih Seni Teater bagi membentuk kemenjadian murid dan mencapai objektif Sekolah Seni Malaysia (SSeM) amnya dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya. Jurulatih-jurulatih perlu mempunyai kesedaran dan bersikap terbuka untuk memperbaiki diri sendiri terutama melibatkan pengetahuan pedagogi isi kandungan khusus sesuatu subjek dalam kurikulum baharu dan juga kebolehan dalam menyampaikan pengetahuan khusus tersebut kepada murid. Selain dari mengikuti pelbagai latihan yang dijalankan, jurulatih boleh menambah ilmu dengan membaca kajian lepas yang telah dijalankan terutama yang melibatkan pengetahuan am dan khusus. Di samping itu, jurulatih juga boleh menjalankan kajian sendiri untuk menambah pengetahuan bagi menjawab persoalan spesifik yang berlaku di dalam kelas. Namun begitu, merancang kajian yang ingin dijalankan terutama melibatkan pembacaan kajian lepas untuk mengenal pasti jurang kajian yang ingin dijalankan memakan masa kerana kajian mata pelajaran khusus Pendidikan Kesenian yang masih dianggap baru dalam dunia pendidikan. Oleh hal yang demikian, kajian ini mempunyai matlamat untuk membantu bakal guru iaitu jurulatih dengan menumpukan kepada metodologi dan skop kajian lepas mengenai kajian kurikulum dan mata pelajaran baharu. Usaha ini dapat membantu menjimatkan masa penyelidik dan memberi idea kepada kajian yang ingin dijalankan khususnya





metodologi dan skop yang ingin dijalankan. Jadual 1.1 menunjukkan perkaitan antara permasalahan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian.

1.4 Objektif Kajian


1. Mengenal pasti pengetahuan lakonan dalam pengetahuan isi kandungan jurulatih Seni Teater terhadap pelaksanaan pengajaran.
2. Meneroka kemahiran dan amalan lakonan dalam pengetahuan pedagogi jurulatih Seni Teater terhadap pelaksanaan pengajaran.
3. Merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan guru bidang Seni Teater bersesuaian dalam pelaksanaan pengajaran.



1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah pengetahuan lakonan dalam pengetahuan isi kandungan jurulatih Seni Teater terhadap pelaksanaan pengajaran?
2. Bagaimanakah kemahiran dan amalan lakonan dalam pengetahuan pedagogi jurulatih Seni Teater terhadap pelaksanaan pengajaran?
3. Bagaimanakah model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan guru bidang Seni Teater disesuaikan dalam pelaksanaan pengajaran?





Rajah 1.1. Persoalan Kajian, Objektif Kajian dan Permasalahan Kajian



1.6 Kerangka Teori Kajian


Kerangka teori mengandungi aliran-aliran atau prinsip-prinsip tokoh Seni Teater diimplementasi sebagai pendekatan, kaedah dan teknik dalam interdisiplin teori dan rangka kerja konseptual menggabungkan gambar rajah grafik yang dicipta untuk menghubungkan penemuan kajian melalui carta alir persoalan, kajian literatur, metodologi dan jangkaan dapatan dan hasil atau hubungan antara tema, subtema dan konstruk kajian dalam merangka proses input dan output kajian kualitatif serta hasil kajian (Creswell, 2012). Pendekatan model adalah pandangan yang perlu dari sudut pakar sebagai sesuatu yang mendorong manusia untuk memperbaiki kelemahan mereka dan menunjukkan potensi sebenar mereka (Rosett, 1995). Hasilnya, penyelidikan ini akan melihat kepada pengetahuan, kemahiran, dan amalan jurulatih Seni Teater Sekolah Seni Malaysia (SSeM) dalam proses sebelum, semasa, dan selepas pengajaran fokus bidang lakonan bagi membentuk keberhasilan murid dan kemenjadian manusia.

Menurut Swanson (2013), kerangka teori mempunyai latar belakang teori, atau asas dalam analisis data dan tafsiran makna yang terdapat dalam penyelidikan. Keseluruhan persoalan kajian dalam menganalisis dan mentafsir data yang melibatkan kefahaman Teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) melalui pengetahuan, kemahiran, dan amalan lakonan jurulatih Seni Teater SSeM dibincangkan dalam kerangka teori kajian iaitu berdasarkan Soalan Kajian Pertama (SK1) dan Soalan Kajian Kedua (SK2) serta merangka model panduan dalam Soalan Kajian Ketiga (SK3) yang dibentuk. Penyelidikan ini melihat lima jurulatih SSeM yang telah dan akan dilantik ke jawatan tetap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), di mana mereka mengajar mata pelajaran KSSM baharu



Seni Teater. Objektif isi pelajaran dan hasil pembelajaran dalam pengajaran merupakan sebuah pembelajaran berasaskan standard kandungan, standard pembelajaran, dan standard prestasi baru KSSM SSeM yang disemak semula (BPK, 2017) dalam pelaksanaan pengajaran jurulatih Seni Teater.

Proses meneroka, mendalami dan mendeskripsi pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan jurulatih Sekolah Seni Malaysia (SSeM) dalam kajian ini, kerangka teori dicadangkan oleh Model PPIK oleh Shulman (1986) seperti Rajah 1.2.



Rajah 1.2. Gabungan Pengetahuan Kandungan dan Pengetahuan Pedagogi. Diadaptasi dari Model Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) dari Shulman, 1986

Kerangka teori gabungan pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi ialah bidang ilmu yang khusus dalam kursus latihan atau ikhtisas perguruan meliputi pengetahuan, kemahiran dan amalan mengandungi gabungan elemen pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan (Abd Shatar, 2007; Boon 2002; Yusminah, 2004; Shulman 1986). Kepakaran guru dalam pengetahuan pedagogi isi kandungan, menurut Lilia, Abd. Rashid, Subahan, Mohd Merah, Abdul Razak, dan Khalid Abdullah (1998), membolehkan guru mengajar topik tertentu dengan matlamat untuk meningkatkan pemahaman konsep murid. Bagi setiap bidang utama DSKP Seni



Teater KSSM SSeM, pengetahuan isi kandungan ialah disiplin ilmu dan kandungan yang dipelajari lebih awal melalui pengetahuan transformasi, teras pembangunan dan prinsip kurikulum. Pengetahuan lakonan, yang merangkumi definisi, bidang dan subbidang yang berkaitan dengan pengetahuan isi pelajaran, hasil pembelajaran yang merupakan tunjang dan asas pembelajaran, fokus pembelajaran melalui standard kandungan dan standard pembelajaran serta standard prestasi khusus bidang lakonan.

Kemahiran lakonan merangkumi pengetahuan pedagogi am seperti strategi atau kaedah pengajaran bilik darjah atau kelas, gaya pembelajaran, sejarah dan falsafah, perbincangan, kumpulan, penemuan inkuiri, pembelajaran konstruktif, pembelajaran masteri, pembelajaran berasaskan masalah atau projek, kumpulan koperatif dan kolaboratif, dan bertema. Manakala amalan lakonan meneroka amalan disiplin dan nilai murni membentuk ilmu lakonan berkesan. Jadi, definisi kemahiran dan amalan lakonan dalam pengetahuan pedagogi yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan, strategi, atau teknik pengajaran, bahan bantu mengajar dan pengurusan kelas yang digunakan oleh jurulatih Seni Teater dalam merancang, menghasilkan rancangan pengajaran, dan melaksanakan pengajaran khusus bidang lakonan yang berkesan.


Sehubungan itu, konteks pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan dalam penyelidikan ini merangkumi pengetahuan isi kandungan dan kefahaman dalam lakonan, transformasi dalam pengintegrasian pengetahuan lakonan sebagai satu alternatif penyediaan murid. Manakala, kemahiran dan amalan lakonan ialah pendekatan, teknik, pengurusan bilik darjah, penggunaan bahan bantu mengajar dan pengaplikasian amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran lakonan.





Tiga komponen atau konstruk yang dipilih adalah asas yang digunakan oleh jurulatih Seni Teater untuk melaksanakan transformasi dalam pengajaran. Ketiga-tiga konstruk tersebut dipilih selaras dengan tujuan dan persoalan kajian, iaitu mengenal pasti, meneroka dan menerangkan pengetahuan pedagogi isi kandungan jurulatih Seni Teater berdasarkan pemahaman mereka tentang pengetahuan lakonan dalam isi kandungan, kemahiran dan amalan lakonan dalam pedagogi, serta bagaimana jurulatih merancang dan melaksanakan transformasi pengajaran yang lebih baik terhadap pengajaran mereka dalam bidang Seni Teater. Kajian ini tidak memfokuskan kepada isu pentaksiran atau penilaian secara khusus, refleksi, atau pemerolehan pengetahuan baharu. Jadi, tujuan mengenal pasti dan meneroka pengetahuan isi kandungan lakonan dan pengetahuan pedagogi lakonan selari dengan Teori PPIK oleh Shulman (1986) dan Model Penaakulan dan Tindakan Shulman (1987) melalui aspek 'pemahaman', 'transformasi', dan 'pengajaran' jurulatih dalam memahami terlebih dahulu kandungan isi pelajaran dan hasil pembelajaran yang akan diajar, serta keperluan kaedah, pendekatan, dan teknik penyampaian pengajaran dalam pengurusan bilik darjah serta dibantu sumber pendidikan. Jurulatih Seni Teater perlu mempunyai menguasai isi kandungan dan pedagogi bagi mengaitkan sesuatu sebuah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam mata pelajaran Seni Teater fokus bidang lakonan bagi merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan dalam pengajaran jurulatih Seni Teater di SSeM. Justeru itu, jurulatih SSeM perlu berteraskan penyediaan dan pelaksanaan pengajaran berpanduan dokumen KSSM dan kurikulum Seni Teater bidang lakonan yang digunakan dan diaplikasi dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH), seperti yang terdapat dalam hasil Model PPIK pengajaran ini iaitu pemahaman, transformasi, dan pelaksanaan pengajaran, serta boleh dikaitkan dengan pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi oleh Shulman (1987) seperti Rajah 1.3.





Rajah 1.3. Meneroka Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Lakonan Jurulatih Seni Teater Melalui Aspek Kefahaman, Tranformasi dan Pengajaran. Diadaptasi dari Model Penaakulan dan Tindakan oleh Shulman (1987)

Model di atas bertujuan untuk menyatukan pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi. Penaakulan dan tindakan pedagogi melibatkan kitaran melalui proses pemahaman pengetahuan, transformasi, pengajaran. Titik permulaan dan akhir proses adalah kefahaman guru. Jurulatih perlu melalui proses persiapan kursus, pemilihan pedagogi, pemilihan adaptasi konteks pembelajaran, penggunaan sumber, dan pengurusan kelas yang memberi contoh proses transformasi. Hal yang demikian, model ini memberikan asas teori untuk pengembangan PPIK guru (Shulman, 1987). Jurulatih juga mesti memahami perkara yang terkandung dalam reka bentuk dan kerangka kurikulum yang disampaikan mudah atau sukar berdasarkan kesediaan dan latar belakang murid mereka. Erti kata lain, pengetahuan guru tentang mata pelajaran yang disampaikan memberi impak yang besar terhadap cara murid belajar di dalam bilik darjah. Pemahaman guru terhadap mata pelajaran tersebut kemudiannya mesti diselaraskan, disemak, dan diubah menjadi satu bentuk yang boleh dipelajari dan difahami oleh murid (Shulman, 1987). Hal ini adalah transisi yang memerlukan pemahaman jurulatih tentang kandungan isi pelajaran dan hasil pembelajaran, tindak balas murid terhadap apa yang telah mereka pelajari dalam mencapai objektif



pembelajaran berasaskan standard. Fokus kajian ini kepada bidang utama dalam KSSM baharu iaitu lakonan juga meneroka amalan jurulatih dan etika dalam lakonan untuk menyediakan murid dan menjana modal insan yang seimbang dan kemenjadian murid serta keberhasilan negara, melalui proses transformasi dalam pengajaran Seni Teater.

Menurut Shulman (1987), transformasi memerlukan gabungan proses, termasuk memilih bahan pengajaran yang sesuai dan kemudian memilih alternatif untuk membantu pemahaman murid, seperti analogi, metafora, contoh, demonstrasi, simulasi, main peranan, lakonan, dan bentuk seni yang lain. Langkah seterusnya ialah memilih pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran bagi membina strategi pengajaran bagi pengetahuan dan kemahiran serta amalan lakonan yang mengambil kira umur, perkembangan peribadi, bakat, kemahiran berfikir, kebolehan dan minat murid.

Pengajaran kefahaman kemudiannya disusun dan dimantapkan untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran, seperti menyesuaikan pengetahuan pedagogi isi kandungan dalam pelbagai gaya, bentuk, teknik, pendekatan, dan kaedah (Shulman, 1987). Melalui konteks KSSM Seni Teater SSeM baharu, beliau juga menggariskan bahawa proses transformasi ini merupakan satu strategi atau satu set teknik untuk mengajar sesuatu konstruk yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, dan amalan nilai pembelajaran (BPK, 2017). Berdasarkan dokumen rasmi iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Rancangan Pengajaran Harian (RPH), dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang dirancang oleh jurulatih Seni Teater, proses transformasi dalam kajian ini dapat dilihat sebagai bukti dokumen pengajaran.

Langkah seterusnya ialah mempraktikkan pengajaran di dalam bilik darjah. Aspek yang paling penting dalam menyampaikan isi kandungan atau kemahiran dan






amalan melalui strategi pengajaran ialah pedagogi, yang merangkumi pengendalian BBM, pengurusan bilik darjah, memberi soalan dan menyemak tugas, berinteraksi secara berkesan dengan murid melalui teknik penyoalan, kaedah menerima jawapan, dan memberi respons dengan pujian dan kritikan. Menurut Shulman (1987), teknik pengajaran guru berkait rapat dengan pemahaman mereka. Proses PdP dilaksanakan dalam konteks kurikulum Seni Teater melalui perhubungan dan interaksi antara guru dan murid bagi tujuan memahami pengajaran dan pembelajaran Seni Teater KSSM SSeM, yang merangkumi fokus pembelajaran berasaskan standard kandungan, pembelajaran dan prestasi serta membolehkan guru merancang pengajaran yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan amalan sekaligus nilai yang akan diajar.


Kerangka teori kajian ini dibina daripada gabungan prinsip atau aliran tokoh dalam bidang Seni Teater disokong model alternatif dalam penyelidikan ini iaitu Model *BEING* oleh Özmen (2011) sebagai hala tuju kerangka konsep yang dilaksanakan dalam Model Shulman (1987). Teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) bertujuan diadaptasi dan diubah suai dalam merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan yang diperlukan oleh jurulatih Seni Teater merujuk keselarasan reka bentuk dan rangka kurikulum baharu. Rujukan utama di sebalik perancangan model panduan ini berdasarkan prinsip lakonan adaptasi penyelidik dalam kajian lepas teater dan drama. Lima peringkat Model *BEING* iaitu *Believe* (Percaya), *Experiment* (Pengeksperimentasi), *Invent* (Penciptaan), *Navigate* (Pemetaan) dan *Generate* (Penjanaan) didapati sangat berguna dan berfungsi dari segi mencerminkan proses semula jadi pembangunan identiti guru tentang proses pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan jurulatih Seni Teater khususnya guru bukan pengkhususan. Guru perlu merangsang dan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan



sebagai jurulatih utama atau jurulatih ke arah penjaminan kualiti dalam sebuah profesion dan etika keguruan. Oleh itu, hasil teori landasan Model *BEING* memberikan perspektif dan falsafah untuk memanfaatkan prinsip lakonan sebagai peringkat kursus lakonan untuk guru atau jurulatih dalam pra atau semasa perkhidmatan. Oleh itu, tujuan dan obejktif kajian serta persoalan yang dikaji dalam kajian ini ialah pengetahuan, kemahiran, dan amalan lakonan jurulatih Seni Teater dalam memberi pemahaman kepada murid melalui transformasi perancangan, penyediaan dan pelaksanaan pengajaran merujuk teori PPIK. Model *BEING* cuba menangani sifat kompleks, bentuk dan pengetahuan asas, kemahiran dan amalan lakonan setiap jurulatih Seni Teater. Kerangka konseptual diadaptasi dari Model *BEING* ini adalah berasaskan keperluan dalam *Theory of Pedagogical Content Knowledge (PCK)* atau Teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) oleh Shulman (1986) dan Model Penaakulan dan Tindakan oleh Shulman (1987) serta diubah suai mengikut kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 (BPG, 2020) seta Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (JNJK, 2010), di mana teori PPIK ini adalah pendekatan dalam transformasi pendidikan integrasi pengetahuan lakonan dari tokoh teater seperti Stanilavski (1946), Brecht (1978), Boal (2003) akan diterangkan lebih terperinci dalam Bab 2 seperti Rajah 1.4 dan Rajah 1.5.



Rajah 1.4. Gabungan Pengetahuan Lakonan dalam Menghasilkan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Lakonan dalam Pengajaran Jurulatih Seni Teater di Sekolah Seni Malaysia. Diadaptasi dari Teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan oleh Shulman, 1986



Rajah 1.5. Proses Terjemaahan Kerangka Teori Kajian Gabungan Model dan Prinsip Lakonan Menghasilkan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Lakonan dalam Pengajaran Jurulatih Seni Teater di Sekolah Seni Malaysia Semasa Proses Merancang dan Menyediakan Rancangan Pengajaran. Diadaptasi daripada Teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) oleh Shulman, 1986 dan Model Penaakulan dan Tindakan oleh Shulman, 1987



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ialah konsep yang berfungsi sebagai asas untuk prinsip operasi dan proses atau carta alir kajian. Penyelidik juga perlu dapat menghubungkaitkan teori dengan aliran kerangka konsep. Konsep adalah abstrak yang boleh disampaikan tentang realiti yang menyediakan asas kepada teori dan menerangkan hubungan antara struktur, komponen atau konstruk yang dikaji dan yang tidak dikaji (Nursalam, 2015). Pendekatan model sebagai sesuatu panduan dan rujukan yang mendorong penyelidik untuk memperbaiki kelemahan mereka dalam mengenal pasti dan meneroka sebuah kajian serta menunjukkan potensi sebenar mereka dalam menjalankan kajian (Rosett, 1995). Hasilnya, semasa menjalankan penyelidikan dalam memahami transformasi pelaksanaan pengajaran, konstruk kajian ini akan mengenal pasti pengetahuan lakonan, meneroka kemahiran dan amalan lakonan jurulatih Seni Teater Sekolah Seni Malaysia (SSeM) dalam pelaksanaan pengajaran.

Kerangka konseptual kajian juga menunjukkan carta alir yang bertindak sebagai asas dan prinsip panduan untuk menjalankan penyelidikan dan merupakan hubungkait konsep dalam komponen dan konstruk atau struktur kajian (Denzin & Lincoln, 2005; Sufean, 1995). Kerangka konsep kajian merupakan struktur umum, dipermudahkan untuk mendapatkan gambaran tentang fenomena, proses dan prosedur yang berlaku, dalam bentuk carta alir atau gambar rajah yang bersifat simbolik dan abstrak tetapi boleh dihuraikan secara lisan yang menggambarkan komponen, kriteria, dan struktur serta hubungan dalam sesuatu kajian. Kerangka konsep kajian amat berfaedah dalam kajian dan boleh mempengaruhi proses dan menyelidik mana-mana tema dan subtema atau kategori dan subkategori yang menjadi penekanan dalam kajian (Stringer, 1996).





Secara tidak langsung, kerangka konsep ini telah membolehkan penyelidik menghasilkan tafsiran pendekatan metodologi yang berkesan dengan objektif kajian ini dengan menganalisis pelbagai adaptasi teori dan model daripada sarjana, pakar, dan tokoh sama ada di dalam atau luar negara. Seterusnya, bagi menjawab persoalan kajian penyelidik menggunakan metodologi yang sesuai sebagai kaedah, pendekatan, dan teknik bagi merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan dalam pengajaran jurulatih Seni Teater dengan meneroka pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan diadaptasi dan diubah suai sebagai kerangka teori dan konsep untuk penyelidik memahami permasalahan dan tujuan kajian.

Menurut Parera (1986), pendekatan merupakan latar belakang falsafah, paradigma atau sudut pandangan terhadap subjek utama yang ingin diterokai, dan pendekatan ini merupakan aksiom, iaitu pernyataan yang diterima secara meluas dan berfungsi sebagai asas kepada huraian. Manakala, menurut Kamarudin Husin (1988), pendekatan ialah himpunan andaian yang saling berkaitan berkenaan isi pelajaran dan hasil pembelajaran atau pembelajaran berasaskan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi.

Kerangka konseptual ini di bina adalah berdasarkan pendekatan induktif di mana pendekatan kajian berbentuk khusus kepada umum dan pengajaran berdasarkan teori pendidikan dan prinsip lakonan dalam merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan jurulatih Seni Teater Sekolah Seni Malaysia. Pendekatan induktif kajian ini, yang dipelopori oleh aliran dan prinsip pemikiran realisme, bermula dengan contoh-contoh khusus dan membawa kepada kesimpulan umum, selain pemikiran pengasingan unsur realisme dan pedagogi kritikal



membolehkan murid membuat kesimpulan dan makna sendiri yang bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran guru dan menekankan kemahiran dan amalan nilai dalam pengajaran (Zakaria et al., 2021d). Konsep-konsep pendekatan induktif juga adalah untuk mempelbagaikan strategi, pendekatan dan teknik untuk menjawab persoalan bagi meneroka pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan jurulatih khususnya, menginterpretasikan maklumat untuk membentuk tema dan subtema serta membentuk kesimpulan dan pelaporan.

Menurut Simanjuntak (1982), teknik ialah prosedur yang menyeluruh untuk mengajar sesuatu bahan yang mesti diasaskan pada pendekatan yang digunakan secara keseluruhan. Tambahan pula, teknik adalah rancangan yang teliti untuk menyampaikan sesuatu bahan dan kemahiran secara teratur; tiada komponen yang bercanggah, dan semuanya berdasarkan pendekatan. Manakala, menurut Ishak Ramly (2006), strategi dalam teknik pengajaran tentang apa yang akan dilaksanakan mengikut situasi untuk mencapai tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Teknik merujuk kepada proses untuk menghasilkan karya seni persembahan, seperti seni lakon, seni muzik, seni visual, seni bahasa, dan seni tari amnya. Menurut Kamarudin Husin (1988), teknik ialah satu strategi atau gaya pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil yang maksimum semasa mengajar sesuatu, serta operasi sesebuah organisasi yang berlaku di dalam bilik darjah di mana teknik tersebut digunakan untuk mencapai sesuatu objektif yang dilaksanakan di bawah pengajaran guru dalam mencapai objektif dan hasil pembelajaran serta refleksi murid.



Secara keseluruhannya, kajian ini mengambil pendekatan mengenal pasti, meneroka dan menerangkan asas pengetahuan pedagogi isi kandungan Seni Teater khusus lakonan yang digunakan sebagai platform untuk mengumpulkan maklumat dalam mencari kesesuaian pengetahuan lakonan dalam pengetahuan isi kandungan, kemahiran dan amalan lakonan dalam pengetahuan pedagogi jurulatih Seni Teater bagi merangka model panduan. Pendekatannya adalah bersifat prosedural, pengetahuan asas lakonan berdasarkan pengalaman dan pengaplikasian kemahiran dan amalan lakonan di dalam bilik darjah memerlukan strategi, teknik, pendekatan, sumber pengajaran dan pengurusan kelas yang berkesan serta amalan terbaik. Semasa PdP dijalankan, jurulatih mungkin menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik. Malah, jurulatih bebas menggunakan mana-mana pendekatan, kaedah dan teknik yang mereka suka semasa proses PdP kerana tiada teknik dan pendekatan yang khusus. Pilihan gaya pembelajaran ini mestilah kreatif dan inovatif serta amalan terbaik dalam pembelajaran diterapkan agar murid mendapat pengalaman secara praktikal atau amali dan bermakna di samping masih mencapai objektif dan memenuhi matlamat dan kerangka asas kurikulum sekaligus memenuhi hasrat FPK dan Rukun Negara.

Kurikulum baharu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menjadi asas panduan dan rujukan dalam keperluan membina kerangka konseptual kajian ini, selain adaptasi *Theory of Pedagogical Content Knowledge (PCK)* atau dikenali sebagai Teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) oleh Shulman (1986) dan Model Penaakulan dan Tindakan oleh Shulamn (1987) diubah suai mengikut kerangka SGM 2.0 (BPG, 2020) dan SKPMg2 (JNJK, 2018) iaitu sebagai rujukan dan panduan konstruk utama yang digunakan untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran, dan amalan lakonan yang



boleh diperolehi dari jurulatih serta untuk penambahbaikan dan cadangan, bagi merancang keperluan pembangunan profesionalisme keguruan profesional jurulatih khusus tugas mengajar.

Soalan Kajian Pertama (SK1) mempunyai matlamat untuk mengenal pasti pengetahuan lakonan dalam pengetahuan isi kandungan jurulatih Seni Teater. Menerusi kajian ini, pengetahuan lakonan merujuk kepada pengetahuan KSSM dan asas lakonan. Soalan Kajian Kedua (SK2) digunakan untuk meneroka kemahiran dan amalan lakonan dalam pengetahuan pedagogi jurulatih Seni Teater. Kemahiran lakonan merujuk pada pendekatan, teknik, alat atau bahan bantu mengajar, dan pengurusan bilik darjah. Manakala, penerokaan amalan lakonan jurulatih Seni Teater juga adalah menerusi Soalan Kajian Kedua (SK2) juga tertumpu kepada amalan lakonan jurulatih SSeM merangkumi pengetahuan tentang pendekatan, teknik, dan pengintergrasian pengetahuan lakonan dan kemahiran lakonan tanpa mengetepikan amalan dan etika dalam lakonan, iaitu meneroka amalan disiplin dan nilai murni yang diterapkan dalam aktiviti lakonan sekaligus membentuk kemahiran dan amalan lakonan berkesan serta amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran. Selain, penelitian dokumen rasmi juga bagi mencapai objektif isi pelajaran dan hasil pembelajaran merujuk DSKP KSSM Seni Teater SSeM bidang lakonan melalui kemahiran improvisasi watak dan perwatakan, pembinaan watak dan perwatakan, *blocking* dan *level* dalam pelaksanaan pengajaran.

Temu bual utama dijalankan untuk menentukan kefahaman pengetahuan DSKP KSSM, asas lakonan, kemahiran dan amalan lakonan. Manakala, pemerhatian dijalankan untuk meneroka kemahiran dan amalan lakonan jurulatih dengan lebih mendalam. Pada peringkat transformasi, peserta kajian menyediakan Dokumen




Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Seni Teater Sekolah Seni Malaysia (SSeM), dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), format pentaksiran autentik untuk menganalisis kandungan dokumen berkaitan PdP. Jadi, triangulasi data ini digunakan untuk menyelidik pengajaran peserta kajian dalam merancang, mengendalikan dan menyediakan kelas harian. Peringkat pengurusan bilik darjah dan amalan terbaik pembelajaran, pemerhatian pengajaran tertumpu kepada penyampaian isi pelajaran dan bagaimana hasil pembelajaran DSKP KSSM Seni Teater SSeM boleh dicapai melalui penggunaan kemahiran lakonan yang sesuai dan integrasi amalan lakonan dalam bilik darjah. Analisis data digunakan untuk menjawab soalan SK1, SK2, dan SK3, seperti yang ditunjukkan oleh Miles dan Huberman (1994). Dapatan kajian dilaporkan dan dibentangkan dalam Bab 4 iaitu bab dapatan kajian. Selepas dapatan diteliti, analisis kajian disediakan di Bab 5, beberapa implikasi dan cadangan dibincangkan dalam rumusan serta penambahbaikan dibuat untuk mengembangkan serta meluaskan dalam kajian seterusnya atau lanjutan mengenai pengetahuan, kemahiran, dan amalan jurulatih Seni Teater. Penyelidikan ini sebagai asas prinsip dan aliran untuk merangka dan membangunkan model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan yang membentuk tugas mengajar profesional guru dalam Seni Teater sama ada pengkhususan atau bukan pengkhususan.

Kajian ini merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan jurulatih Seni Teater Sekolah Seni Malaysia (SSeM) bersesuaian pembangunan profesionalisme dan etika keguruan dalam tugas mengajar. Perancangan dan pelaksanaan kajian diteliti agar berada pada landasan yang betul dan tidak terkeluar daripada matlamat, persoalan, dan metodologi kajian yang telah ditentukan.



Rajah 1.5 dalam kerangka teori disokong bagaimana pembangunan kerangka konsep yang diadaptasi dan diubah suai daripada satu alternatif Model *BEING* Özmen (2011) dalam proses terjemaahan kerangka teori kajian gabungan model dan aliran dan prinsip lakonan. Diadaptasi daripada Teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) dan Model Penaakulan Dan Tindakan oleh Shulman (1987) serta diubah suai berpandukan kerangka SGM 2.0 dan SKPMg2. Seterusnya, Rajah 1.6 di bawah ini adalah merujuk proses kajian dan carta alir kerangka konseptual kajian dibina dan diadaptasi dari alternatif Model *BEING* (Özmen, 2011) yang disokong melalui kajian lepas dari tokoh-tokoh teater yang berpengaruh sebagai aliran dan prinsip lakonan yang telah dipraktikkan oleh penyelidik seluruh dunia iaitu terdiri daripada “*The Method of Physical Actions, Secenic Truth and Believe and Magic if*” dalam *Stanilavsky’s s* oleh Konstantin Stanilavski (1946), ‘*Alienation Effect*’ dalam ‘*Epic Theatre*’ oleh Bertolt Brecht (1978) serta ‘*Critical Pedagogy*’ dalam ‘*Theatre of the Oppressed*’ oleh Augusto Boal (2003), selain kajian lepas dari dalam negara yang menyelidik teknik seni lakon selari dalam pengajaran guru oleh Mohd Azly (2016), Fadilah (2014), Mohd Yusof (2014), Muhammad Faisal (2012), Ismahisham (2011), dan Mohamad Nazri (2008). Selain itu, pendekatan dokumen rasmi seperti buku teks Seni Teater dan format pentaksiran autentik merujuk kepada standard kandungan, standard pembelajaran serta standard prestasi DKSP KSSM Seni Teater SSeM. Cadangan keperluan dan sumbangan baharu ini, persoalan dan objektif kajian yang diselidik ini adalah untuk merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan jurulatih Seni Teater Sekolah Seni Malaysia (SSeM) dalam memberi kefahaman isi kandungan kepada murid melalui pedagogi dalam penyediaan bahan atau sumber pengajaran, pengurusan kelas pengajaran, perancangan pengajaran, dan pelaksanaan pengajaran.



Rajah 1.6. Kerangka Konseptual Kajian Sebagai Rangka Kerja Penghasilan Model Panduan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Lakonan dalam Pengajaran Jurulatih Seni Teater di Sekolah Seni Malaysia (SSeM). Diadaptasi dari Model *BEING* Özmen, 2011 dan Model Penaakulan dan Tindakan oleh Shulman, 1987. Diubah suai mengikut kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 dari BPG, 2020 dan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Kedua dari JNJK, 2018



1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini menerangkan pengetahuan pedagogi isi kandungan dan kepentingan mengenai professional tugas mengajar jurulatih dan keperluan sama ada pelaksanaan pengajaran jurulatih Seni Teater yang dijalankan di Sekolah Seni Malaysia (SSeM) selari hasrat dan matlamat objektif KPM. Tambahan lagi, dapatan kajian ilmiah ini boleh dijadikan rangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan guru bidang Seni Teater dan kerangka konsep kepada pengurusan di KPM seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan (BSTP), Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Jemaah Nazir (JN) dan Lembaga Peperiksaan (LP) khususnya dalam bidang Seni Teater yang masih kurang popular dan jarang diketengahkan atau dijalankan oleh penyelidik dari pelbagai sudut pandangan dan kepentingan kepada guru secara amnya dapat memberi kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan amalan kepada guru tentang peranan guru sebagai jurulatih utama atau jurulatih dalam bidang Seni Teater.

Penyelidikan ini adalah perlu untuk menentukan bagaimana guru bukan pengkhususan pendidikan dan/atau Seni Teater memahami subjek tersebut dan untuk memberikan maklumat penting kepada KPM untuk merancang dan membuat cadangan untuk penambahbaikan yang sewajarnya berpandukan kerangka teori PPIK oleh Shulman (1986) yang menjadi asas kepada penyelidikan ini. Maka kajian ini bertujuan mengenal pasti dan meneroka apakah komponen PPIK yang perlu diaplikasikan oleh jurulatih semasa mengajar mata pelajaran Seni Teater khususnya, malah kajian ini akan menerangkan dan menganalisis semua komponen PPIK yang diaplikasi oleh jurulatih Seni Teater dalam pelaksanaan pengajaran lakonan yang berbantuan Model *BEING*





(Özmen, 2011) diadaptasi dari tokoh, pelopor dan penyelidik dari serata dunia dalam bidang Seni Teater.

Keperluan dan permintaan yang tinggi untuk mengkaji bagaimana jurulatih Seni Teater di Sekolah Seni Malaysia (SSeM) dalam mempraktikkan pengajaran melalui pendekatan teori dan model dari aspek pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan dalam pelaksanaan pengajaran. Tambahan juga, kajian ini diperlukan untuk mengenal pasti, meneroka dan merangka bagaimana kefahaman dalam mentransformasikan pengajaran melalui pengetahuan dan kemahiran dalam bidang lakonan merujuk standard kandungan atau standard pembelajaran di dalam dokumen rasmi kandungan Buku Teks Seni Teater dan Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Seni Teater, Sekolah Seni Malaysia (SSeM). Selain itu, kajian ini membentuk jurulatih untuk menerapkan teknik lakonan berdasarkan ilmu teori dan praktikal dalam mata pelajaran Seni Teater sekaligus memberi sumbangan terhadap program teater dalam pendidikan serta bidang pendidikan/pengajian teater di Malaysia. Inisiatif di sebalik kajian penyelidikan ini adalah untuk kepentingan dan sumbangan akan datang dari pelbagai konteks dan perspektif dalam dunia pendidikan khususnya.

1.8.1 Kepentingan pada Teori

Secara teorinya, teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) oleh pelopor teori kurikulum, pentaksiran dan pengajaran serta pembelajaran serta disokong oleh satu alternatif pembangunan Model *BEING* oleh Özmen (2011) yang berlatar belakang





tokoh, pelopor dan penyelidik Seni Teater dapat diaplikasikan dalam pelaksanaan pengajaran dianggap sebagai panduan dan rujukan badan organisasi seperti KPM sumbangan sumber yang efektif dan berkesan dalam memainkan peranan dan kepentingan guru sebagai bakal jurulatih atau jurulatih sedia ada yang bakal dijadikan model utama dan menggantikan kepentingan sumber ilmu sebagai pemudah cara sebuah sistem pendidikan dan organisasi kerana bergerak sebagai moderator, fasilitator dan pemudah cara. Selain itu, teori dan model yang digunakan ini mampu diterapkan dalam kurikulum semakan baharu dan sekaligus menjadi model panduan dalam program penghasilan guru bidang Seni Teater khususnya dan mata pelajaran Pendidikan Kesenian atau mata pelajaran lain amnya serta diaplikasikan dalam kurikulum dan pentaksiran autentik.



1.8.2 Kepentingan pada Praktikal

Praktikalnya, teori dan model yang diaplikasi sebagai pendekatan dalam merangka model panduan dan kerangka konsep kajian ini boleh merangsang perkembangan pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan kemahiran dan amalan pedagogi seorang guru sekaligus membangunkan identiti dan profesion keguruan di mana dapat menerapkan sebuah teknik atau kaedah dalam sebuah pengajaran secara praktikal. Selain itu, dapat melahirkan pendidik generasi baru akan datang yang lebih menitikberatkan aspek Seni Teater secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran serta mampu mengatasi keperluan isu semasa seperti kekurangan tenaga pengajar bidang teater, malah rangka model panduan ini dapat memberi sumbangan dalam bidang teater serta alat alternatif pedagogi pelaksanaan pengajaran dalam semua





kurikulum baharu KPM khasnya. Malah, dapat dipraktikkan oleh semua pendidik kerana kajian ini dapat membantu kerangka teori dan konsep bagi pelaksanaan pengajaran guru. Tambahan lagi, dapatan hasil dan analisis kajian dan pengesahan pakar dari para akademik, aktivis teater dan pekerja industri kreatif serta personel pengurusan dan pembangunan Pendidikan Kesenian dapat menjadikan model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan guru bidang Seni Teater dalam memantapkan dan meningkatkan profesionalisme keguruan.

1.8.3 Kepentingan pada Latihan dalam Perkhidmatan dan Industri Pendidikan

Kepentingan kepada KPM, walaupun pengoperasian sekolah di bawah JPN dan PPD, setiap jabatan perlu memberikan dan menjalankan latihan untuk membangunkan dan memperkembang pengetahuan pedagogi isi kandungan guru-guru atau jurulatih-jurulatih yang dilantik KPM dalam program kejurulatihan utama dalam pendidikan. Walaubagaimanapun, latihan yang dibangunkan sendiri oleh organisasi KPM difikirkan lebih banyak membantu dalam pembangunan profesionalisme keguruan dalam mengatasi masalah. Selain itu, unit latihan seperti unit pembangunan bakat setiap negeri dan daerah, lebih sedar dan memahami keadaan dalam jabatan, membolehkan perancangan yang lebih teliti untuk memenuhi objektif latihan. Hasil kajian ini dapat membantu KPM mengenal pasti cabaran sebenar yang dihadapi oleh guru yang dilantik sebagai jurulatih atau jurulatih utama, serta menentukan gaya latihan yang paling efektif dalam menyelesaikannya. Tambahan juga, dapat membantu dalam menyumbang kepada pihak perancang dan pembangunan dasar pendidikan, kokurikulum dan kesenian, pentaksiran, kurikulum, bahan bantu mengajar dan sumber





pendidikan, penjaminan kualiti atau penaziran, semakan kurikulum baru dan terkini terutama dalam DSKP KSSM Seni Teater SSeM 2017.

1.8.4 Kepentingan kepada Organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Lembaga Peperiksaan (LP), Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan (BSTP), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Bahagian Profesionalisme Guru (BPG), dan Jemaah Nazir (JN) adalah bahagian yang dikendalikan dan ditugaskan oleh KPM untuk mengekalkan kualiti dan standard pendidikan negara terutama dasar pendidikan dari sudut kesenian, kurikulum, bahan bantu mengajar, penjaminan kualiti dan pentaksiran autentik serta dikenali “*subject matter expert*” berlandaskan seksyen ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan oleh KPM untuk mengenal pasti bidang tugas, kekuatan, dan kelemahan program kejurulatihan utama dalam pendidikan di KPM, JPN dan PPD. Peruntukan sumber, seperti alat dan bahan bantu mengajar serta perbelanjaan kewangan yang terurus, boleh disalurkan untuk membantu dalam pembangunan dan peningkatan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan sebagai mangkin kepada perubahan dalam sistem pendidikan negara. Justeru itu, semua jurulatih yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diharapkan, KPM boleh menggunakan latihan pra atau dalam perkhidmatan daripada kajian ini untuk membuat pengubahsuaian atau penambahbaikan kepada dasar pendidikan negara demi mencapai visi dan misi pendidikan berkualiti.





1.8.5 Kepentingan kepada Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK), Jurulatih Utama Negeri (JUN) dan Jurulatih Utama (JU)

Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK), Jurulatih Utama Negeri (JUN) dan Jurulatih Utama (JU) boleh menggunakan hasil dapatan kajian ini untuk menambah baik sistem kejurulatihan sedia ada dengan membantu jurulatih mengenal pasti masalah, menentukan guru, mereka bentuk program latihan, menjalankan latihan secara konsisten, dan menilai latihan mengikut keperluan jurulatih, menghasilkan sistem latihan yang sistematik dan menjana ekonomi seperti yang diharapkan nserta mengutamakan faedah melalui latihan. Semua latihan akan mempunyai hasil yang boleh dijangka dan boleh digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan, kemahiran, dan sikap setiap ahli organisasi yang mengambil bahagian dalam latihan (Georgenson & Del Gaizo, 1984). Jurulatih juga boleh menambahbaik dan menjadikan dapatan kajian ini untuk membangunkan serta memperkembang latihan bagi meningkatkan profesion perguruan serta pengetahuan pedagogi isi kandungan profesional guru bagi tugas mengajar untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru pra perkhidmatan, tidak kira pengkhususan atau bukan pengkhususan di sekolah, peringkat daerah atau negeri.

1.8.6 Kepentingan kepada Guru Sekolah

Dapatan kajian ini dapat membantu tenaga pengajar atau pendidik membuat refleksi sendiri berhubung kebolehan mereka melaksanakan peranan sebagai jurulatih utama atau jurulatih dalam mengaplikasi pengetahuan pedagogi isi kandungan, berdasarkan teori dan model kajian ini. Malah, guru sebagai jurulatih perlu cekap, berpengetahuan,





berkemahiran akan mempamerkan etika kerja yang kukuh semasa menjalankan tugas mereka bukan sahaja dapat memotivasikan diri, tetapi juga membantu mereka dalam melakukan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran, dan mampu meningkatkan prestasi sekolah. Jadi, setiap tenaga pengajar atau pendidik yang bergelar jurulatih yang mempunyai cabaran, kekurangan pengetahuan asas, atau kekurangan kemahiran pedagogi dan etika dalam pengajaran boleh ditawarkan latihan atau kursus yang disesuaikan dengan keperluan mereka supaya mereka boleh menyertai dan menyumbang tenaga mereka kepada visi, misi, dan matlamat KPM.

1.8.7 Kepentingan dalam Kurikulum, Pentaksiran dan Bidang Akademik



Kajian perubahan kurikulum dan pentaksiran adalah kajian yang penting dijalankan oleh penyelidik terutamanya di kalangan guru pada peringkat prasiswazah dan siswazah serta penyelidik dan pensyarah di JPT dalam pembangunan pengetahuan pedagogi isi kandungan, latihan dan identiti seseorang guru. Namun begitu, program kejurulatihan utama dalam pendidikan dan diploma pascasiswazah pendidikan oleh KPM mempunyai keperluan yang tinggi dalam kajian bagi mengetahui kesediaan, kefahaman dan transformasi pengajaran guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan amalan semasa menjalankan tugas jurulatih di institusi pendidikan. Melalui kajian ini, akan dapat menambahkan lagi bilangan kajian secara ilmiah yang boleh digunakan oleh penyelidik lain dan orang ramai yang berminat bagi mengetahui fungsi dan tanggungjawab bakal jurulatih-jurulatih di JPN dan PPD khasnya dan KPM amnya. Dapatan kajian juga boleh digunakan sebagai perbandingan dengan dapatan ilmiah lain yang pernah dijalankan serta boleh dijadikan rujukan untuk proses semakan kurikulum DSKP KSSM Seni



Teater SSeM dan kurikulum mata pelajaran bidang kesenian atau mata pelajaran lain. Sehubungan itu, KPM dan JPT harus bekerjasama dan komited dalam membantu bakal guru dan guru di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan sekaligus dapat membantu bakal-bakal guru, pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan di peringkat PPD dan JPN dalam usaha merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan guru bidang Seni Teater yang berkesan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kepentingan kajian ini dapat memberi impak dan implikasi besar dalam dunia pendidikan.

1.9 Definisi Konsep dan Definisi Operasional

Beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan secara konsep dan operasional. Oleh yang demikian, definisi konsep atau perkataan yang perlu diberi penjelasan dan definisi operasional penghuraian kepada setiap istilah, sebutan atau konsep yang digunakan dalam penyelidikan digunakan menjelaskan penggunaannya serta mengelak sebarang kekeliruan dalam lingkungan dan konteks kajian ini.

1.9.1 Pengetahuan lakonan

Definisi konsep pengetahuan lakonan dalam pengetahuan isi kandungan adalah merujuk kepada konteks pengetahuan isi kandungan merujuk kepada pemahaman kandungan kurikulum atau kandungan pelajaran yang harus dipelajari atau diajar oleh

tenaga pengajar (Shulman, 1986). Justeru itu, pendidik atau tenaga pengajar dalam profesionalisme keguruan yang bertanggungjawab melaksanakan kurikulum atau kandungan kursus mesti memahami dan memiliki pengetahuan lakonan mengenainya (Shulman, 1986).

Definisi operasional pengetahuan lakonan dalam kajian ini pula, bermaksud keupayaan jurulatih Sekolah Seni Malaysia (SSeM) di Malaysia menerangkan kerangka KSSM dan menterjemahkan DSKP KSSM Seni Teater SSeM fokus bidang lakonan berdasarkan pembelajaran berasaskan standard kandungan, standard pembelajaran, dan standard prestasi, dengan matlamat dan fokus untuk memberi kesedaran kepada murid sekolah seni tentang pengetahuan asas atau pendekatan lakonan dalam mencapai objektif pembelajaran penghasilan lakonan dalam produksi

1.9.2 Kemahiran dan Amalan Lakonan

Definisi konsep kemahiran dan amalan lakonan dalam pengetahuan pedagogi guru merujuk kepada pemahaman mereka tentang prosedur dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang mendalam (Shulman, 1987). Selain itu, kemahiran dan amalan lakonan bertujuan memahami keberhasilan dalam sistem pendidikan melalui nilai murni dan disiplin. Pengetahuan pedagogi juga merangkumi pendekatan, teknik dan kaedah pengajaran, penggunaan bahan sumber mengajar, kemahiran pengurusan bilik darjah secara umum, perancangan pengajaran, dan penilaian dan pentaksiran murid (Shulman, 1986).

Manakala, definisi operasional kemahiran amalan lakonan dalam kajian ini bermaksud kemahiran dan amalan lakonan jurulatih Sekolah Seni di Malaysia tentang pendekatan, teknik khusus dalam pengajaran dan pembelajaran Seni Teater khusus bidang lakonan dalam mengaplikasikan pengetahuan pedagogi seperti kemahiran interaksi-reaksi lakonan, improvisasi watak dan perwatakan, pembinaan watak dan perwatakan, *blocking* dan *level* selain kemahiran dalam pemilihan bahan bantu mengajar serta pengurusan bilik darjah dengan menerapkan etika dan nilai lakonan yang sesuai berpandukan yang hendak diajar dan dibangunkan dalam membentuk kemahiran dan amalan lakonan berkesan. Justeru itu, bidang mahupun subbidang lakonan dalam DSKP KSSM Seni Teater SSeM memerlukan pendekatan, teknik, BBM, pengurusan kelas yang sesuai dengan pengetahuan pedagogi isi kandungan yang hendak disampaikan bagi merangka model panduan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan lakonan jurulatih Seni Teater di Sekolah Seni Malaysia.

1.9.3 Kerangka Konsep Kurikulum

Definisi secara konsep kerangka dan reka bentuk kurikulum adalah teori dan model yang digunakan dalam kurikulum yang bertindak sebagai panduan dan menjadi asas kepada pelaksanaan kurikulum disebut sebagai kerangka konsep kurikulum (KPM, 2010a). Kerangka konsep berfungsi sebagai asas untuk perancangan dasar untuk pendidik atau tenaga pengajar. Teori pengetahuan pedagogi isi kandungan guru, misalnya, dibina berdasarkan teori epistemologi, psikologi, sosiologi, dan falsafah. Teori epistemologi boleh membantu guru memahami cara murid belajar dan teori psikologi boleh membantu guru meningkatkan teori pengetahuan pedagogi isi

kandungan. Manakala pendekatan sosiologi membimbing kemahiran pendidikan guru dalam memahami bagaimana persekitaran sosiobudaya mempengaruhi pembelajaran dan sosialisasi murid. Walaupun falsafah menyokong dan mengarahkan pembentukan negara, falsafah juga menjadi asas kepada pemahaman, kepercayaan, dan budaya sesebuah negara.

Definisi operasional kerangka konsep dalam kajian ini adalah bermaksud pengetahuan pedagogi isi kandungan terhasil dari teori dan model lakonan serta prinsip lakonan dalam merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan tugas mengajar professional guru tentang kefahaman dalam transormasikan pengajaran oleh peserta kajian iaitu jurulatih Seni Teater berkaitan berdasrkan konsep Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Seni Teater, Sekolah Seni Malaysia (SSeM) fokus bidang lakonan yang disokong oleh dokumen rasmi Buku Teks Seni Teater dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang meliputi pengetahuan dan kefahaman tentang teori, model, prinsip, pendekatan, teknik, pembelajaran bersasakan standard dan produk seni persembahan fokus lakonan bagi menyediakan murid sekolah seni sekaligus merangka model panduan kepada pelaksanaan dan perancang kurikulum, dasar, penjaminan kualiti, sumber dan pentaksiran autentik.

1.9.4 Isi Pelajaran

Definisi konsep isi pelajaran menurut Shulman (1986) ialah fokus pembelajaran yang terdapat pada sebuah kurikulum. Menurut Shulman (1986), isi pelajaran tidak tertakluk

kepada kemahiran yang hendak disampaikan, tetapi juga meliputi pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan nilai pembelajaran atau konstruk.

Definisi operasional isi pelajaran mengenai pengetahuan lakonan, kemahiran dan amalan lakonan dalam kajian ini adalah melibat aspek tunjang pembelajaran, fokus pembelajaran, standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Seni Teater, Sekolah Seni Malaysia (SSeM) yang meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai pembelajaran bidang lakonan dalam KSSM Seni Teater SSeM.

Definisi konsep hasil pembelajaran menurut Shulman (1986), hasil pembelajaran ialah matlamat, fokus atau standard pembelajaran yang mesti dipenuhi dalam sesuatu kurikulum. Menurut Shulman (1986), hasil pembelajaran lebih tertumpu kepada pencapaian atau tahap penguasaan murid seperti yang dihasratkan oleh kurikulum dan pentaksiran autentik.

Definisi operasional hasil pembelajaran dalam kajian ini ialah meneroka hasil pembelajaran melalui matlamat, fokus dan standard pembelajaran dalam menghasilkan murid-murid yang mengamalkan etika, disiplin dan nilai murni. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Seni Teater, Sekolah Seni Malaysia (SSeM) menjelaskan visi untuk melahirkan insan



budayawan bertaraf dunia serta matlamat untuk melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta misi dalam memupuk bakat dan mengembangkan potensi kesenian di kalangan murid, menggalakkan penyertaan aktif murid dalam aktiviti kesenian serta mewujudkan kerjasama dengan pelbagai institusi dan penggiat seni.

1.9.6 Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan Isi Kandungan Lakonan

Definisi konsep pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan dalam pengajaran merupakan salah satu alternatif untuk mengembangkan kefahaman dan transformasi pendekatan serta teknik dalam pengajaran dan memastikan pengetahuan isi kandungan atau pengetahuan pedagogi yang hendak dihuraikan dan diaplikasikan akan difahami dengan baik terutama dalam penyampaian asas dan prinsip lakonan daripada panduan teori dari tokoh dan penyelidik Seni Teater dan teori pendidikan yang dijadikan asas kerangka teori dan konsep kajian.

Definisi operasional tentang pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan lakonan dalam kajian ini bermaksud keupayaan jurulatih Seni Teater Sekolah Seni Malaysia (SSeM) menggunakan pengetahuan lakonan dari tokoh-tokoh dan penyelidik-penyelidik Seni Teater dalam dan luar negara serta diintegrasikan dan menerapkan pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan sebelum, semasa dan selepas menyampaikan pengajaran dengan mengaplikasikan pengetahuan asas lakonan, kemahiran dan amalan lakonan berkesan bagi mentransformasikan kefahaman terhadap





pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan yang hendak disampaikan bagi membentuk dan pengkasilan disipin, mesej dan nilai murni.

1.9.7 Strategi Pengajaran

Definisi konsep strategi pengajaran menurut Seels dan Richey (1994), istilah “pendekatan pengajaran” merujuk kepada strategi pengajaran yang menggunakan pendekatan atau kaedah tertentu dalam penyampaian maklumat. Strategi pengajaran juga boleh merujuk kepada pelbagai kaedah, pendekatan, teknik dan bahan pengajaran dalam beberapa kes (Reiser & Dempsey, 2006). Collins dan Halverson (2009) mendefinisikan strategi sebagai satu rancangan untuk pembangunan pengetahuan pedagogi isi kandungan mata pelajaran dan identiti guru dalam profesion keguruan yang menggariskan "apa" dan "bagaimana" mesti dilakukan untuk mencapai hasil pengajaran dan pembelajaran yang berpandukan oleh rangka kurikulum.

Definisi operasional strategi pengajaran dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada pelbagai pendekatan khusus yang dicadangkan dalam pengajaran dan pembelajaran Seni Teater di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Seni Teater, Sekolah Seni Malaysia (SSeM) oleh KPM. Pendekatan pengajaran yang dicadangkan adalah kemahiran lakonan seperti interaksi dan reaksi, improvisasi watak dan perwatakan, pembinaan watak dan perwatakan, *blocking* dan *level* serta amalan disiplin dan nilai murni dalam etika lakonan sebelum, semasa dan selepas. Konteks kajian ini, teknik pengajaran merujuk pengetahuan guru dalam transformasi, perancangan serta





pelaksanaan pengajaran menggunakan pendekatan pengajaran yang dicadangkan DSKP KSSM Seni Teater SSeM dan diintergrasikan dengan pendekatan asas lakon dan persiapan seorang pelakon dalam pengajaran lakonan.

1.9.8 Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Definis konsep bahan bantu mengajar adalah semua alat yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran. BBM boleh dilihat, didengar, dipegang, dibaca, diberitahu, dirasai, dihidu, dan digunakan, dan secara teknikal (Hasniza, 2014; Machado, 2009; Nor Hashimah & Yahya, 2003; Azizah, 2002). BBM bukan elektronik, seperti buku rujukan, model grafik, papan pengajaran, gambar, carta, grafik, model, surat khabar, lukisan, majalah, risalah, nota, kertas, skrip, fail menegak, bingkai carta pusing, kad imbasan, kad cantuman, peta, glob, boneka, diorama, alat tulis, atau alat peraga pengajaran, Hasniza (2014) membahagikan BBM kepada tiga kategori iaitu bahan elektronik seperti televisyen, filem tayangan, filem jalur, filem slaid, alat pandang dengar, pemancar slaid, pita video, pita rakaman, plat hitam, kad audio, pendengaran alat visual lutsinar, perakam televisyen atau video, cakera padat audio, komputer, internet dan disket komputer, serta bahan asas seperti papan putih, buku teks dan papan paparan. Mariani (2014) pula mendakwa bahawa BBM juga boleh merangkumi bahan-bahan yang melalui pengalaman, sekeliling, realiti dan dunia sebenar seperti lakonan, puisi, tarian, pantomim, jelajah, muzik, projek pameran, dan realia.





Dalam kajian ini, definisi operasional BBM merujuk kepada pengalaman sedia ada dan pemilihan dan penentuan jurulatih Seni Teater menggunakan BBM dari kementerian, sedia ada, guna semula atau disediakan sendiri berhubung dengan ruang pentas, kostum, teknikal dan multimedia, prop, dan latar berdasarkan keserasian sudut pandangan teknikal dan kreatif, serta kesesuaian BBM dengan peringkat perkembangan dan latar belakang murid. Murid harus berjaya menyampaikan pengetahuan dan kemahiran lakonan mereka seperti yang diajar oleh jurulatih dalam membentuk sebuah produksi seni persembahan lakonan, serta menggariskan keperluan dalam mengamalkan etika dan disiplin dalam lakonan.

1.9.9 Pengurusan Bilik Darjah



Pengurusan bilik darjah ditakrifkan sebagai pengetahuan, gaya, disiplin, kemahiran dan amalan prinsip guru untuk berinteraksi secara cekap dengan murid semasa melaksanakan pedagogi pengajaran (Shulman, 1987). Pengurusan bilik darjah yang baik dan bermakna, menurut Isenberg dan Jalongo (2006), Drummond dan Sweeney (2016), Heitink, Voogt, Verplanken, Braak dan Fisser (2016), Lord dan McFarland (2010), Siti Saleha dan Surayah (2007) serta Slavin (1994), wujud bersama apabila terdapat persekitaran pembelajaran yang menggalakkan, hubungan kolaboratif atau koperatif serta dua hala, penglibatan berpusatkan murid yang aktif, dan situasi kondusif dan interaktif yang menyeronokkan untuk murid selain pendekatan dan teknik yang sesuai dalam pelaksanaan pengajaran.





Konteks kajian ini, definisi operasi pengurusan bilik darjah merujuk kepada gaya dan penekanan pedagogi jurulatih Seni Teater menyampaikan kandungan isi pelajaran dan hasil pembelajaran lakonan dalam memberikan penerangan, arahan, tugas, bertanya soalan, menerima jawapan, menggunakan alat dan bahan bantu mengajar, menjalankan latihan, dan menyemak tugas atau refleksi murid berdasarkan keperluan BBM dan kesediaan murid bagi membentuk keberhasilan guru dan kemenjadian murid dalam melaksanakan pengajaran dan membentuk sebuah produksi seni persembahan lakonan yang baik.

1.9.10 Kefahaman dalam Transformasi Pengajaran



Definisi konsep kefahaman dalam teori Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan

(PPIK) dan model penaakulan dan tindakan adalah merujuk kepada perancangan dan pelaksanaan pengajaran boleh disampaikan melalui tanggapan murid tentang pengetahuan lakonan dalam pengetahuan isi kandungan, kemahiran dan amalan lakonan dalam pengetahuan pedagogi (Shulman, 1987). Transformasi sebagai aliran dan prinsip Seni Teater yang telah difahami kemudian ditukar sebagai satu alternatif, kaedah atau pendekatan supaya teknik itu boleh diajar (Shulman, 1986). Pembelajaran selari ialah proses peralihan dan perubahan daripada proses pemikiran mengenai sebuah konsep, teori, model atau falsafah pendidikan melalui isi pelajaran dan hasil pembelajaran yang mudah difahami oleh guru kepada inovasi dan kemahiran baharu, pembentukan minat, kemahiran berfikir dan motivasi murid dalam mengembangkan kurikulum dan pentaksiran.



Definisi operasional kefahaman dalam konteks kajian ini merujuk kepada pemahaman jurulatih dalam menterjemah pemahaman mereka tentang maklumat terhadap pengetahuan, kemahiran, dan amalan lakonan jurulatih Seni Teater seperti yang ditafsirkan melalui konsep Pendidikan Kesenian, fokus dan tunjang pembelajaran, standard kandungan, standard pembelajaran, standard prestasi dalam membentuk pengetahuan, kemahiran, dan nilai pembelajaran melalui pendekatan dan teknik pengajaran, bahan atau alat bantu mengajar serta pengurusan bilik darjah. Tambahan lagi melibatkan definisi dan tafsiran istilah yang berkaitan dengan aliran dan prinsip lakonan, serta kefahaman dalam teori dan model kurikulum, sumber pendidikan serta pentaksiran autentik berdasarkan latar belakang dan kesediaan murid, serta perancangan dan penyediaan rancangan pengajaran.

1.9.11 Jurulatih

Secara definisi konsep tugas seorang pemudah cara, perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai, fasilitator, atau moderator dalam membantu pelatih dalam mempelajari dan memahami sesuatu, menerangkan maklum balas susulan dan refleksi daripada pembelajaran, dan menyampaikan isi kandungan kursus sebagai perantara untuk memenuhi keperluan pelatih ditakrifkan sebagai jurulatih. Jurulatih akan menyelia projek individu dan semua aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan pembelajaran, sama ada di dalam atau di luar bilik darjah, makmal, atau kumpulan kerja kecil. Secara ringkasnya, jurulatih ialah pakar yang bertanggungjawab membantu pelatih dalam meningkatkan prestasi semasa mereka dengan menawarkan

pengalaman pembelajaran dan bimbingan berstruktur (Reynolds, Sambrook & Stewart, 1993).

Sementara itu, definisi operasi jurulatih kajian merujuk kepada jurulatih Sekolah Seni Malaysia (SSeM) yang diberi tugas melatih murid Sekolah Seni Malaysia (SSeM) untuk menjadi anak seni dan generasi bidang Seni Teater khususnya. Oleh itu, jurulatih dalam kajian ini adalah seorang guru yang dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sama ada telah berkursus melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) atau belum berkursus dan jurulatih ini dilantik oleh KPM dan SPP untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar melalui pelbagai latar belakang akademik, pengalaman, kursus, latihan, atau bengkel Seni Teater yang telah dihadiri. Jurulatih yang dilatih akan mentransformasikan PPIK dari segi perancangan dan persediaan pengajaran yang memfokuskan persediaan murid sekolah seni.

1.9.12 Seni Teater

Istilah dalam definisi konsep Seni Teater merujuk kepada jenis persembahan di ruang atau pentas berdasarkan kisah atau lakon layar yang menggambarkan sebahagian kecil pengalaman manusia melalui emosi, vokal, pergerakan fizikal, dan lakonan pelakon disokong teknikal dan tenaga kreatif. Pelakon ialah pelaku yang melakonkan watak dan membentuk watak dalam lakonan dengan teknik lakonan yang sesuai dalam sesebuah pementasan berdasarkan dialog atau skrip pementasan. Lakonan juga ditakrifkan sebagai plot yang dilakonan mengikut pembinaan skrip serta peniruan kehidupan dan



gambaran serta kanvas kehidupan dalam aksinya melalui memori, pengalaman dan naskhah.

Manakala, definisi operasional pengajaran Seni Teater di dalam kajian merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan jurulatih Seni Teater dalam mentransformasi kefahaman dalam pelaksanaan pengajaran. Secara umum, pengertian Seni Teater di dalam konteks kesenian merupakan sebuah seni persembahan melalui persembahan atau pementasan drama yang dipentaskan di atas pentas oleh pelakon dibantu proses teknikal dan artistik melalui sebuah karya atau skrip dalam menyampaikan mesej dan nilai. Secara epistemologi, pengertian pengetahuan pedagogi isi kandungan jurulatih Seni Teater dalam pelaksanaan pengajaran adalah terdiri daripada unsur Seni Teater terdiri dari pelakon dalam melakonkan watak dibantu kemahiran asas vokal, muzik, prop dalam satu ruang melalui skrip dalam menyampaikan mesej dan mempunyai penonton. Lakonan adalah unsur Seni Teater yang memvisualisasikan persiapan, imaginasi, adaptasi, penyesuaian, hubungan emosi, ritma dan nada melalui memori dan pengalaman lepas atau menggambarkan pemikiran seseorang melalui sebuah naskhah atau karya. Pendekatan dan teknik lakonan membentuk isi kandungan atau pedagogi melalui pengetahuan, kemahiran dan amalan jurulatih Seni Teater tersebut berhubungan dengan disiplin tingkah laku, mesej dan nilai murni dari gabungan pelbagai kajian tokoh Seni Teater dalam pelaksanaan pengajaran jurulatih Seni Teater di dalam atau luar bilik darjah bagi membentuk kemenjadian murid selari hasrat KPM dalam merealisasikan kurikulum Pendidikan Kesenian.





1.9.13 Menyediakan Guru Bidang Teater dalam Pendidikan Kesenian

Definisi konsep menyediakan guru bidang teater dalam Pendidikan Kesenian menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah merujuk kepada meningkatkan kualiti guru melalui profesion keguruan sebagai pilihan utama dan mentransformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian serta nilai murni dalam pembangunan profesion keguruan serta dapat melahirkan modal insan kelas pertama dan merealisasikan hasrat FPK KPM berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara selain memfokuskan visi dan misi, falsafah dan konsep Sekolah Seni Malaysia.

Manakala, definisi operasional menyediakan guru tugas profesional mengajar Seni Teater dalam Pendidikan Kesenian menerusi kajian ini merujuk kepada merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan jurulatih tentang kerangka KSSM, isi pelajaran dan hasil pembelajaran, menyediakan, merancang dan melaksanakan rancangan pengajaran dan pembelajaran bidang Seni Teater di Sekolah Seni Malaysia (SSeM) berfokuskan bidang lakonan secara keseluruhan dan tumpuan dalam pembangunan profesionalisme keguruan, program pensiswazahan guru terlatih, dan program kejurulatihan dalam pendidikan mendasari SGM 2.0 dan SKPMg2. Penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai pembelajaran yang dinyatakan kurikulum DSKP KSSM Seni Teater SSeM sekaligus dapat melahirkan murid yang seimbang dalam pencapaian akademik dan seni, berilmu dan berkemahiran dalam bidang seni, menjadi pusat kecemerlangan Pendidikan Kesenian yang beridentiti antarabangsa, melahirkan penggiat seni dan pengamal budaya yang bermoral tinggi, serta melahirkan individu berjiwa seni dan berkebolehan memelihara serta pewaris budaya bangsa.





1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan limitasi kepada lima jurulatih Seni Teater selepas kebenaran kerajaan merentas antara negeri dengan syarat secara bersemuka iaitu seorang jurulatih atau peserta kajian dari setiap Sekolah Seni Malaysia (SSeM) iaitu Kuala Lumpur, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak atas lantikan KPM dan SPP berjawatan PPP serta telah atau sedang mengikuti kursus ikhtisas dengan fokus untuk mengenal pasti pengetahuan lakonan dan meneroka aspek berkaitan dengan kemahiran dan amalan lakonan serta bagaimana kefahaman jurulatih mengenai strategi, pendekatan dan teknik dan sumber pengajaran serta pengurusan bilik darjah yang dinyatakan berlandaskan teori dan model dalam merancang, merangka rancangan pengajaran, dan kemudian ditransformasikan dalam melaksanakan pengajaran.



Reka bentuk kajian adalah penyelidikan kualitatif dan strategi kajian adalah bersifat kajian kes. Walau bagaimanapun, proses kajian kes ini juga mengambil kira proses awal persetujuan dan pengesahan peserta kajian dan pakar serta semakan rakan di atas talian atau musim pandemik (Suliman, Hiroyuki, Ab. Jabar, Xuan & Mat Daud, 2021). Jadi, kajian ini hanya lima peserta kajian atau dikenali sebagai jurulatih, dan mereka dipilih menggunakan kaedah sampel bertujuan seperti cadangan Creswell (2012). Selain itu, peserta kajian mestilah mempunyai latar belakang sebagai tenaga pengajar bukan pengkhususan Seni Teater atau ikhtisas dan akademik dalam pendidikan serta telah atau sedang mengikuti kursus di bawah KPM dan SPP. Tambahan lagi, jurulatih dipilih telah mengajar Seni Teater selama tiga tahun bermula KSSM baharu pada tahun 2017, malah telah menamatkan kursus pemantapan DSKP KSSM Seni Teater SSeM dan pentaksiran. Namu begitu, jurulatih tersebut bersedia



menyertai sebagai peserta kajian secara sukarela. Selaras dengan Creswell (2012) dan Yin (2002), yang menyatakan bahawa kajian mendalam tentang sesuatu kes, isu, atau kajian dalam sains sosial yang melibatkan temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen adalah mencukupi dengan sekurang-kurangnya seorang peserta kajian, atau tiga hingga lima peserta kajian untuk kajian ini adalah lebih daripada mencukupi. Kajian ini mempunyai skop dan saiz sampel yang kecil, dengan hanya lima orang peserta kajian dan seorang peserta dari setiap Sekolah Seni Malaysia (SSeM). Kajian ini bertujuan melihat, mengenal pasti, meneroka dan menyiasat secara mendalam bagaimana guru sebagai jurulatih Seni Teater, jurulatih utama, atau jurulatih di Malaysia menjalankan kewajipan mereka sebagai pendidik dan menyalurkan ilmu kepada murid dalam pelbagai situasi berdasarkan latar belakang akademik dan profesional mereka malah pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi juga berbeza mengikut pengalaman.

Tambahan pula, lokasi dan keperluan kajian termasuk Sekolah Seni Malaysia (SSeM), iaitu lokasi sekolah di lima zon Malaysia (Utara, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak). Batasan kajian termasuk hanya lima orang peserta kajian dan kekangan masa serta musim pandemik untuk menjalankan penyelidikan lapangan dan mengumpul data. Pengumpulan data dilakukan selepas mendapat kebenaran kerajaan membolehkan pergerakan merentas antara negeri dengan syarat. Lagipun, pengumpulan data atas talian hanya dijalankan bagi mendapatkan persetujuan dan pengesahan peserta kajian sahaja. Oleh kerana saiz sampel kajian yang terhad, namun dapatan tentang pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan jurulatih sekolah seni boleh diaplikasikan kepada semua jurulatih yang dilantik oleh KPM dan JPT, khususnya guru yang hanya bergantung kepada kurikulum tetapi boleh digunakan sebagai rujukan untuk



pentaksiran autentik atau bilik darjah. Selain itu, pihak berkepentingan dalam pembangunan dan perancang dasar pendidikan, kurikulum, pentaksiran, penjaminan kualiti, dan rujukan sumber bahan bantu mengajar di KPM dan JPT boleh memanfaatkan dapatan kajian ini sebagai rujukan.

Pemilihan instrumen kajian berdasarkan sumber primer iaitu protokol temu bual, borang pemerhatian atau senarai semak dan dokumen rasmi sebagai analisis sokongan disediakan. Instrumen ini telah mendapat kesahan dan kebolehpercayaan pakar, keperluan analisis pakar, kajian rintis, semakan rakan, triangulasi data, tempoh kajian serta disesuaikan dengan pengumpulan data di musim pandemik iaitu dijalankan di atas talian bagi pengesahan dan persetujuan manakala bersemuka setelah mendapat kebenaran kerajaan merentas negeri bersyarat. Selain itu, instrumen tambahan seperti borang soal selidik sebagai sokongan temu bual untuk menganalisis secara deskriptif sahaja. Kajian ini juga terhad kepada temu bual separa struktur dan tidak berstruktur bagi setiap peserta kajian secara mendalam, pemerhatian separa struktur dan tidak berstruktur terhadap kemahiran dan amalan pelaksanaan pengajaran yang dijalankan oleh jurulatih Seni Teater secara bersemuka kerana proses pengajaran akan mengambil masa yang lama bagi setiap kelas. Manakala, data-data yang diperolehi daripada sumber sekunder meliputi dapatan kajian-kajian lepas seperti kajian kes terutamanya buku, bahan ilmiah, tesis dan pustaka secara atas talian atau dalam talian.

Fokus dokumen rasmi yang digunakan sebagai sumber sekunder dan panduan analisis berpandukan kepada kefahaman mentransformasi pengetahuan pedagogi isi kandungan dalam pendekatan dan teknik dalam menyediakan, merangka, melaksanakan pengajaran dalam kajian ini ialah DSKP KSSM Seni Teater SSeM





bidang lakonan. Hasilnya, berdasarkan rujukan DSKP KSSM, dapatan kajian ini boleh digeneralisasikan kepada mata pelajaran kurikulum baharu lain. Selaras dengan cadangan pengajaran mengikut bidang, kajian ini memfokuskan kepada satu bidang pembelajaran yang dicadangkan oleh DSKP KSSM Seni Teater SSeM dalam mencapai kesepaduan dan keselarasan cadangan dalam sistem pendidikan (KPM, 2017). Pemilihan tepat tajuk fokus bidang lakonan dalam DSKP KSSM SSeM bagi mendapatkan data yang jitu kerana bidang lakonan adalah bidang utama kurikulum dan kewajaran yang tinggi dalam pentaksiran setiap Sekolah Seni di Malaysia (SSeM) sekaligus menjadi rujukan di setiap kajian akan datang bagi bidang yang lain. Data-data yang dikutip difokuskan kepada empat bahagian iaitu latar belakang jurulatih, pemahaman dan pengetahuan asas lakonan dalam pengetahuan isi kandungan KSSM baharu, kemahiran dan amalan lakonan dalam pengetahuan pedagogi serta cadangan dan pendapat penghasilan konstruk profesionalisme keguruan khusus tugas mengajar jurulatih Seni Teater dalam merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan lakonan guru bidang Seni Teater profesion keguruan akan datang.

Kategori latar belakang jurulatih hanya difokuskan kepada latar belakang bidang pengkhususan, kelulusan ikhtisas dan pengalaman. Selain itu juga, minat dan tanggungjawab lain yang disandang di sekolah juga diambil kira selain mata pelajaran pengkhususan. Tahap kelulusan secara tidak langsung membantu jurulatih dalam menyokong pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan seorang guru terhadap bidang yang diajar serta kemahiran dan amalan pelaksanaan pengajaran yang akan disampaikan berdasarkan bidang pengkhususan dan mampu menunjukkan perbezaan bentuk pengendalian pengajaran kerana pemahaman yang lebih mendalam



terhadap sesuatu bidang akan membantu ke arah penyampaian dan kebolehlaksanaan yang berkesan.

Kelulusan akademik jurulatih adalah berdasarkan bidang pengkhususan dan latar belakang mereka turut menerangkan pengalaman sebagai pendidik. Tempoh perkhidmatan adalah penting bagi membuktikan pengalaman mengajar itu memperlihatkan tahap keberhasilan dalam pengajaran kerana pengalaman dalam menempuh proses pembelajaran itu mengandungi pelbagai teknik dan pendekatan dalam menjalankan pengajaran kerana pengalaman juga memperlihatkan proses estetika, kesedaran dan penghayatan yang tinggi.

Skop mempertimbang dan menekankan bengkel, kursus dan latihan yang pernah diikuti jurulatih sebagai pendekatan dalam pengajaran Seni Teater yang pernah diikuti terhadap mata pelajaran tersebut seperti pengetahuan dan kemahiran aktiviti berkaitan seni persembahan di mana guru-guru perlu membentuk sebuah pengajaran yang melibatkan murid melakukan pembentangan dan aktiviti seni persembahan melalui kumpulan atau lebih dikenali Latihan dalam Perkhidmatan (LADAP) serta aktiviti luar dari perkhidmatan dapat membantu analisis dapatan kajian dan penambahbaikan cadangan kajian. Selain itu, masalah-masalah pengurusan bilik darjah dan sumber pengajaran seperti alat atau bahan bantu mengajar sebagai sumber pengajaran di sekolah seni yang dihadapi oleh peserta kajian dalam menyampaikan pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan dalam pelaksanaan pengajaran juga merupakan limitasi kajian yang perlu dititikberatkan. Batasan-batasan ini bagi membantu penekanan dan perbincangan dalam bab metodologi.



1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhan dalam Bab Satu (1) ini, persoalan kajian telah timbul hasil daripada penerangan dan penjelasan latar belakang kajian. Kerangka teori dan konseptual kajian telah dibina untuk menyokong tujuan kajian ini bagi menjawab persoalan kajian yang dibina bersama objektif kajian. Kepentingan dan kaitan penyelidikan ini dalam merangka model panduan pengetahuan pedagogi isi kandungan untuk guru yang bersedia untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Kesenian bidang Seni Teater khususnya atau mata pelajaran lain secara umum. Tambahan lagi, definisi khusus dalam merangka kajian ini ditakrifkan secara istilah atau konsep dan operasi. Kajian literatur yang berkaitan dengan matlamat kajian telah dijalankan untuk mewujudkan keselarasan antara kajian ini dan kajian lepas bagi memastikan penyelidikan berada di landasan yang betul. Hasilnya, Bab Dua (2) merupakan tinjauan literatur yang membincangkan tentang adaptasi teori dan model yang digunakan iaitu bidang pendidikan seperti kurikulum, buku teks dan pentaksiran serta prinsip-prinsip berkaitan lakonan daripada tokoh dan penyelidik atau pakar. Seterusnya, bab ini akan membincangkan teori dan model tersebut dalam merangka pengetahuan pedagogi isi kandungan guru dalam bidang Seni Teater khusus lakonan, serta menerangkan aliran dan prinsip tentang pengetahuan lakonan, kemahiran dan amalan lakonan dalam PPIK. Kajian literatur juga adalah sorotan dari dapatan kajian lepas dari dalam dan luar negara yang relevan dan sebagai sumbangan baharu bersesuaian dengan kajian ini. Sehubungan itu, Bab Tiga (3) akan menerangkan secara mendalam mengenai metodologi dalam rangka kerja. Batasan kajian ini secara asasnya memilih kajian kualitatif sebagai reka bentuk kajian dan strategi kajian kes ini yang akan mengenal pasti dan meneroka secara mendalam bagi mendapatkan data primer dan sekunder dalam kajian lapangan dan kajian





perpustakaan. Instrumen borang temu bual separa berstruktur, borang pemerhatian separa berstruktur, senarai semak pemerhatian dan borang soal selidik separa berstruktur dan terbuka serta disokong bahan rujukan dokumen rasmi Buku Teks Seni Teater, DSKP KSSM Seni Teater SSeM, RPH, bahan latihan atau bahan bantu mengajar, dokumen pentaksiran serta sijil atau dokumen rujukan bersesuaian dalam pelaksanaan pengajaran. Teknik mengumpulkan data secara protokol temu bual, protokol pemerhatian, senarai semak bukti dokumen rasmi dan dianalisis berdasarkan kategori, konstruk, tema, subtema dan pengekodan dikategorikan menggunakan alat perisian serta kesahan dan kebolehpercayaan tinggi. Selain mengekalkan etika dalam menjalankan penyelidikan ini.

